

Jilid I  
Bil. 34



Hari Isnin  
24hb November, 1986

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4725]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.28 hingga B.32 (Ruangan 4763)

### USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.28, P.31 dan P.58 [Ruangan 4763]



MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DAIO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negori, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.I., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan Y.B.M. TtNGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DAIIN PADUKA RAHDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tunah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jeriu Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D, P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DAIO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DAIO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAI JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZAM, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.T.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P. P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S. B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DAIO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMED SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Yang Berhormat TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DR. SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN YAHYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 24hb November, 1986**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KEMUDAHAN ASAS KEPADA  
PENDUDUK LUAR BANDAR**

**1. Tuan Taimin bin Lumaing** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa rakyat terutama di kawasan P.150 Pesiangan terlalu jauh ketinggalan di bidang sosio dan ekonomi kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia; apakah langkah-langkah dan tindakan Kementerian tersebut untuk meninggikan taraf hidup rakyat terutama yang jauh tinggal di luar bandar tanpa kemudahan atau bantuan dari Kerajaan seperti bekalan air, jalan raya dan elektrik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa masih banyak kawasan-kawasan luar bandar baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak yang masih ketinggalan di dalam berbagai kemudahan seperti bekalan elektrik, bekalan air dan jalan raya. Kerajaan dari semasa ke semasa sedang berusaha untuk membekalkan

kemudahan-kemudahan ini ke kawasan-kawasan yang belum lagi mendapat kemudahan-kemudahan ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sentiasa memberi penekanan yang lebih kepada sektor luar bandar dengan maksud untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduknya. Namun demikian, Yang Berhormat tentu juga sedar bahawa Kerajaan pada masa ini sedang menghadapi masalah kekurangan kewangan, dan oleh yang demikian langkah-langkah menyediakan kemudahan-kemudahan asas tersebut terpaksa dijalankan secara berperingkat-peringkat.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang tersebut, kemudahan-kemudahan asas di luar bandar boleh dikatakan bukan mencukupi tetapi boleh dikatakan tidak banyak, semenjak kemerdekaan ini uda kampung-kampung yang tidak ada jalan, begitu juga air dan api. Kita tahu keadaan ekonomi negara meleset. Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang memberikan keutamaan kepada kampung-kampung yang belum lagi menikmati pembangunan asas seperti yang saya katakan?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi jaminan yang dikehendaki itu.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Bercakap tentang pembangunan di Sabah dan Semenanjung Malaysia iaitu pembangunan di luar bandar, apakah langkah-langkah Kementerian untuk membaiki ataupun meninggikan taraf jalan-jalan kampung di "Hulu" Kuantan dan juga di Hulu Terengganu?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk menaikkan taraf jalan di kampung-kampung sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan cadangan-cadangan bolehlah dibuat kalau Yang Berhormat sudi datang ke Kuala Terengganu dan meninjau jalan-jalan yang perlu dinaik taraf boleh juga dimasukkan bersama-sama dengan cadangan untuk menaikkan taraf jalan di kawasan Kuantan iaitu kawasan Yang Berhormat sendiri. Cadangan-cadangan ini bolehlah dimajukan kepada Pejabat-pejabat Daerah yang akan memajukan pula kepada Pegawai Pembangunan Negeri dan beliau akan menghantar keperluan-keperluan itu kepada pihak Kementerian.

## INDUSTRI STOCK BROKER

**2. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh mana telah tercapai untuk mengkorporatkan industri "Stock Broker" di negara ini. Sejauh mana pula pelabur dan Syarikat Stock Broker asing telah masuk ke sektor ini di Malaysia,

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan Kerajaan memperbadankan industri broker saham ialah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat-syarikat broker saham dan memimpin Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) ke arah status antarabangsa melalui kemahiran

teknikal, profesionalisme dan perhubungan perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, tindakan Kerajaan untuk memperbadankan industri broker saham disambut baik oleh ahli-ahli perseorangan PSKL, di mana kebanyakan firma dan syarikat broker saham telah menunjukkan minat untuk menawarkan ekuiti mereka kepada badan-badan korporat yang berkelayakan. Setakat ini 4 buah bank perdagangan, sebuah bank saudagar dan sebuah syarikat pelaburan induk sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat broker saham bagi tujuan memperbadankan industri broker saham.

Berhubung dengan badan-badan korporat luar negeri, setakat ini sebuah syarikat broker saham yang menjadi ahli Bursa Saham Hong Kong telah membuat permohonan kepada Jawatankuasa PSKL untuk menjadi ahli korporat PSKL, setelah membeli 30% daripada ekuiti sebuah syarikat broker saham tempatan.

## PENGIRAAN PROJEK BARAT LAUT SELANGOR

**3. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pertanian menyatakan berkaitan dengan Projek Barat Laut Selangor yang telah pun siap, tetapi masalah mendatangkan air ke sawah-sawah menerusi sistem palung masih tidak mencapai kejayaan sepenuhnya. Palung tidak dapat menyimpan air untuk membekalkan sawah terutamanya pada musim kemarau. Sistem pengairan melalui palung ini masih lagi mengharapkan bantuan air hujan dan bila hujan berlebihan terjadilah banjir di mana saluran pembuangan air pula tidak dapat memberikan khidmat dengan lebih berkesan. Akibatnya benih dan tanaman tenggelam. Nyatakan adakah Kementerian Pertanian sedar hal ini

dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian sedar bahawa beberapa masalah masih terdapat di Kawasan Pengairan Projek Barat Laut Selangor.

Sebabnya pembinaan kemudahan infrastruktur pengairan untuk seluruh kawasan Projek Barat Laut Selangor belum dapat disiapkan sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, faedah daripada Rancangan Barat Laut Selangor belum dapat dinikmati sepenuhnya.

Di kawasan-kawasan di mana pembinaan belum disiapkan, kerja-kerja pembinaan akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Bagi kawasan-kawasan di mana pembinaan infrastruktur telah siap sepenuhnya, sistem kemudahan ini telah diuji buat pertama kalinya pada musim tanaman 1985/1986 dan kemudian di musim tanaman 1986.

Semasa ujian dijalankan, beberapa masalah telah dapat dikesan dan pihak Jabatan Parit dan Taliair akan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat jawapan daripada Timbalan Menteri, apakah sebab sistem palung fibre glas diganti dengan palung bersimen. Adakah ianya salah perancangan dan siapakah yang bertanggungjawab bagi kos kerugian ini, Kerajaan atau kontraktor-kontraktor, dan berapakah perbelanjaan yang terlibat?

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang membina lagi takungan air atau kolam bagi membekalkan air ke sawah-sawah terutamanya di musim kemarau?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan kesalahan perancangan, ini ialah satu sistem baru dan sistem baru ini mesti diterima oleh petani-petani. Ada dua sebab utama yang menyebabkan masalah yang dihadapi oleh petani-petani sekarang. Satu, sistem perairan ini memerlukan pembaikan tambahan selanjutnya untuk menambah kemampuan bekalan terusan besar untuk menambah pengambilan air dari ibu bekalan Sungai Bernam dan menjimatkan air dengan cara mengurangkan pembaziran serta kehilangan air dalam sistem pengairan.

Prosedur pengurusan air dengan cara bekalan terus daripada taliair adalah berbeza dengan cara sistem banjir yang diamalkan dahulu. Di Projek Barat Laut Selangor, petani-petani telah biasa dengan sistem banjir dan sekiranya mereka terus mengamalkan cara itu, masalah banjir dan kekurangan air akan terus berlaku. Untuk menukarkan tabiat petani-petani menggunakan sistem baru, program mengembangkan telah dimulakan lebih dua tahun dahulu dan sedang diteruskan dengan lebih pesat lagi.

**Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Projek Barat Laut Selangor yang mana kita tahu rakyat Selangor mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan. Ia adalah satu projek yang memberi kemewahan, kemudahan kepada petani-petani, juga pekebun-pekebun kecil, termasuk penanam padi. Oleh itu saya difahamkan bahawa projek ini, tarikh tempohnya ialah tahun 1986. Soalan saya, adakah Kerajaan hendak melanjutkan lagi tarikh ini kepada 1990?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada melanjutkan sistem ini. Sampai sekarang, Kementerian sudah membelanjakan \$150.7 juta dan di

Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian bercadang membelanjakan lagi \$38 juta untuk melanjutkan sistem ini.

#### **JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PELABURAN**

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah positif telah diambil oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan bagi menarik pelabur asing dan juga memaju selanjutnya pelabur asing. Apakah langkah-langkah sedang atau telah diambil untuk meminda melonggarkan undang-undang yang ada bagi mewujudkan iklim yang lebih menarik bagi pelaburan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan telah pun mengambil beberapa langkah positif bagi menarik pelabur asing dan tempatan di negara ini.

Di antara langkah-langkah tersebut adalah menyemak semula semua dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang sedia ada berhubung dengan penubuhan projek-projek perkilangan di Malaysia. Di antara dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang telah disemak semula termasuklah prosedur-prosedur untuk mendapatkan kelulusan galakan bagi projek, pengecualian duti dan cukai ke atas bahan-bahan mentah, komponen yang digunakan, alat-alat jentera dan kelengkapan, kelulusan bagi jawatan-jawatan expatriate dan pas kerja, kelulusan untuk mendapatkan tapak tanah dan pelan bangunan kilang. Sebahagian daripada perakuan-perakuan Jawatankuasa ini telah pun diterima oleh pihak Kerajaan dan sedang dilaksanakan, manakala perakuan-perakuan yang lain sedang

diperbincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri kerana ia melibatkan bidang kuasa dan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Saya telah pun memaklumkan langkah-langkah yang sedang diambil untuk meminda dan melonggarkan undang-undang bagi mewujudkan iklim yang telah menarik bagi pelaburan sewaktu menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani pada 31hb Oktober, 1986 yang lalu. Rang Undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 bagi memperkenalkan galakan-galakan baru untuk menarik lagi pelaburan telah pun dibentangkan untuk bacaan kali yang pertama di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak pengumuman dibuat oleh Kerajaan untuk melonggarkan syarat-syarat pelaburan di negara kita ini, saya ingin tahu berapakah jumlah pelabur-pelabur asing yang berminat melabur ke negara ini? Keduanya, di dalam keadaan ekonomi meleset ini, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya industri-industri yang ada hari ini yang mana telah mendapat beberapa kelonggaran diberi kelonggaran-kelonggaran seterusnya supaya dapat membantu industri-industri ini kerana jika tidak, industri-industri ini akan sama ada menutup kilangnya atau mengurangkan pekerjaannya yang mana akan menambahkan lagi kadar pengangguran di negara kita.

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang pertama, kerana soalan ini meminta angka-angka, saya minta notis. Berhubung soalan kedua, pada masa sekarang langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan ialah sesuai untuk menambahkan peningkatan industri-industri itu.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, sama ada Kementerian beliau ada menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang Akta Penyelarasan Perindustrian ataupun ICA, dengan izin, sebagai satu cara untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahannya bagi tujuan untuk membetulkannya sebagai cara yang berkesan untuk menarik lebih banyak pelaburan?

Kedua, apakah garis panduan-garis panduan secara bertulis mengenai berbagai-bagai kelonggaran seperti mana tadi telah disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri telah disediakan untuk diedarkan kepada para pelabur?

**Dato Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta ICA, Kementerian saya sudah mengkaji kelemahan-kelemahan ICA itu. Kerana kajian yang dibuat oleh Kementerian saya, itulah Kementerian sudah mencadangkan ICA ada kelemahan mengenai jumlah wang yang digunakan dalam Akta itu dan bilangan pekerja. Jumlah wang sekarang kita sudah naikan kepada \$2.5 juta dan bilangan pekerja kita sudah dinaikkan kepada 75 orang.

Soalan kedua, pada masa sekarang Kementerian saya mengkaji "on the basis of urgency", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pada masa sekarang garis panduan bertulis belum siap lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ali.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, pembetulan baris empat "24 Koperasi". Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

#### KOPERASI—RANCANGAN KHAS

**6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar pihak Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya menyediakan sejumlah wang untuk "Rancangan Khas" bagi menyelamatkan simpanan seramai 540,000 Ahli dari 24 Koperasi yang dibekukan asetnya. Jika benar, sejauh manakah rancangan itu berjalan sekarang, sama ada tindakan sementara seperti pembayaran semula kepada penyimpan-pemimpan yang terlibat akan dibuat dan nyalakan bilakah rancangan khas ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih mengenai Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit, salah satu daripada tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi membantu 21 buah daripada koperasi yang terlibat adalah untuk memindahkan tanggungan deposit dan aset kepada institusi-institusi kewangan. Dalam hubungan ini, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia akan menyediakan pinjaman sehingga \$400 juta kepada institusi-institusi kewangan terlibat bagi memenuhi keperluan mudah tunai mereka.

Beberapa buah institusi kewangan telah pun bersetuju pada dasarnya untuk menerima liabiliti-liabiliti deposit pada nilai aset bersih setiap koperasi pengambilan deposit ini. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rancangan penyelamatan ini masih lagi dalam perbincangan

antara pihak-pihak yang berkenaan, maka saya rasa tidak wajarlah saya memberikan keterangan-keterangan lanjut mengenai perkara ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri berkenaan, mengapakah Kerajaan tidak bercadang untuk menjamin atau membayar balik wang-wang deposit penyimpan-penyimpan di 24 buah koperasi ini kerana dia berbuat demikian seperti yang dilakukan dengan mengeluarkan wang sebanyak \$150 juta untuk menyelamatkan Bank Rakyat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah perbezaan dengan sebuah koperasi pada masa itu dengan sebuah koperasi yang sama sekarang; mengapakah Kerajaan tidak boleh mengeluarkan wang supaya pendeposit-pendeposit itu mendapat balik 100% wang simpanan mereka?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, wakil dari Kota Melaka ini tidak berterima kasih. Bukan Kerajaan yang menyebabkan kerugian DTC ini ataupun, dengan izin, "deposit-taking co-operatives" ini. Kerajaan sudah hendak tolong dengan memberi bantuan secara pinjaman sebanyak \$400 juta melalui Bank Negara dengan kadar faedah yang rendah. Ini sepatutnya sudah berterima kasih. Kalau sekiranya pihak DAP hendak jadi champion sangat, bayarkanlah \$600,000 juta itu. *(Ketawa)*

## TAHANAN MEMALI

**7. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tahanan-tahanan Memali yang teiah dibebaskan:

- (a) berapa orang kanak-kanak yang di bawah 15 tahun dan nyatakan nama-nama mereka dan umurnya;

(b) bilangan orang-orang tua, nama dan umur mereka; dan

(c) bilangan wanita, nama dan umur mereka.

25-11-1986

**1. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri memberi keterangan mengenai serangan pasukan polis di Memali pada 19hb November, 1985:

(a) bilangan pasukan dan anggota polis yang terlibat;

(b) butir-butir senjata yang digunakan;

(c) bilangan anggota polis yang mati dan cedera;

(d) perbelanjaan setakat ini berhubung dengan peristiwa tersebut; dan

(e) adakah saguhati atau gantirugi yang diberikan kepada anggota polis yang cedera, butirkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hari ini dan esok adalah mengenai perkara yang sama, saya mohon untuk menjawab keduanya dengan sekaligus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, kesemua orang awam yang terlibat dalam peristiwa Memali sama ada yang ditangkap atau yang ditahan telah pun dibebaskan. Dan maklumat-maklumat mengenai-nya adalah seperti berikut:

Bilangan kanak-kanak di bawah umur 15 tahun = 6 orang.

Bilangan orang tua yang berumur 60 tahun ke atas = 13 orang

Bilangan orang perempuan yang berumur kurang daripada 60 tahun = 20 orang

Anggota polis yang terlibat di dalam gerakan di Kampung Memali adalah seramai 576 orang iaitu 228 orang masuk ke Kampung Memali, 346 orang mengepong di luar Kampung Memali.

Butir-butir senjata yang digunakan semasa peristiwa Memali tidak dapat dijawab kerana ianya melibatkan strategik pihak polis dan perbelanjaan bagi sesuatu gerakan itu sukar untuk dihitungkan.

Bilangan anggota polis yang terkorban adalah seramai 4 orang; sementara 23 orang mendapat cedera. Bayaran saguhati atau gantirugi yang diberikan kepada anggota polis yang mati dan cedera adalah berjumlah \$162,302.15 dan keterangan lanjut seperti berikut:

<i>Bayaran Kepada</i>	<i>Jumlah</i>
<i>Balu-balu</i>	
<i>Arwah-arwah</i>	
Insp. Azmi Hamzah	= \$26,091.90
Sgt. Abdul Rahman Mohd. Nor	= \$37,227.25
Kons. Jaafar bin Sain	= \$29,928.00
Korp Mohd. Suli bin Othman	= \$29,055.00

Seramai 18 orang anggota polis yang cedera mendapat saguhati berjumlah \$40,000.00.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap bekas-bekas tahanan Memali yang sedang menjalankan kempen memburuk-burukkan pihak polis dan Kerajaan seperti mengeluarkan tohmah-tohmah bahawa mereka ini disiksa waktu dalam tahanan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan jikalau sekiranya ada laporan-laporan rasmi daripada orang ramai.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan di bawah peraturan dan undang-undang manakah pihak polis boleh bertindak terhadap orang-orang tua dan kanak-kanak yang belum cukup umur dan sekiranya bercanggah dengan mana-mana peraturan sudahkah Kerajaan mengambil tindakan dan jikalau sekiranya tidak, mengapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dinyatakan dalam Kertas Putih, Kertas Perintah 21/1986 dan ternyata jelas dalam Kertas Putih tersebut.

#### KONSERT MUZIK ROCK

**8. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan dengan langkah wajar Kerajaan menyekat dan mengharamkan konsert muzik rock di negara ini bagi menyekat kemaraan dan peresapan kebudayaan liar yang tidak secukupnya dengan nilai-nilai dan norma-norma kebudayaan kita; apakah ada langkah Kementerian bagi melonggarkan tindakan ini dan nyatakan garis panduan yang jelas dan tegas jika muzik rock atau ala-rock ini ingin ditunjukkan atau dipentaskan.

25-77-7956

**14. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) mengenai penubuhan Jawatan-kuasa Bersama dengan Kementerian Penerangan di dalam usaha untuk mengawal rancangan-rancangan yang akan disiarkan oleh media elektronik di negara kita; dan
- (b) apakah langkah awa! yang dibuat untuk mengharamkan

sebarang bentuk kebudayaan yang boleh mencemarkan budaya kita, contohnya muzik rock di negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan mulut Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang sama isi kandungannya yang dijadualkan pada 25-11-86.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, konsert muzik rock yang diharamkan oleh Kerajaan adalah konsert rock berat yang dipentaskan secara terbuka kepada awam. Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik atau memberi kelonggaran ke atas tindakan ini. Satu garis panduan yang kemaskini sedang disediakan oleh Jawatankuasa Bersama Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jawatankuasa Bersama ini telah pun diwujudkan di peringkat Menteri dan dibantu oleh satu Jawatankuasa Bersama yang lain di peringkat pegawai-pegawai kanan. Jawatankuasa Bersama itu telah ditubuhkan untuk mewujudkan pengawasan yang lebih berkesan terhadap semua rancangan RTM dan TV swasta, baik dari segi tayangan filem, liputan-liputan berita dan sebagainya untuk menjaga maruah negara, memajukan identiti bangsa dan memupuk perpaduan negara.

Sebelum penubuhan Jawatankuasa Bersama itu pun langkah-langkah telah dijalankan untuk mengawal perkembangan-perkembangan yang mencemar budaya kebangsaan melalui garis-garis panduan yang tertentu. Tetapi Jawatankuasa Bersama itu akan bertindak dengan

lebih positif. Sebagai langkah pertama satu kertas panduan mengenai kawalan muzik heavy metal atau heavy rock, kawalan filem-filem dan kelakuan-kelakuan serta pakaian-pakaian artis-artis di TV telah disediakan. Ini akan dimajukan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan selepas mana ia akan dikuatkuasakan oleh semua pihak yang terlibat.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu dan saya harap pihak Kerajaan boleh memberitahu apakah bezanya jika rock music ini dimainkan di luar rumah dan di dalam rumah. Apakah perbezaannya?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, bezanya jelas, satu di dalam, satu di luar (*Ketawa*).

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam soalan tadi, disebut konsert muzik rock, tetapi di dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyebutkan hanya rock berat. Jadi, bolehkah Dewan ini mengetahui perbezaan di antara muzik rock dan rock berat? Apakah takrif "rock" berat?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, takrif muzik heavy metal mengikut yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Penerangan ialah berasaskan kepada ciri-ciri berikut:

- (i) sebahagian besar satu-satu gubahan muzik itu berentak laju dan bergemuruh dengan mengutamakan penggunaan alat-alat gitar dan organ elektrik, drum, percussion, alat-alat "sentidisa" dan suara yang nyaring dan berulang-ulang ataupun chanting.
- (ii) rentak drum, guitar base, permainan kor dari organ

elektrik key-board dan gabungan suara menjadi tumpuan utama gubahan itu sehingga menenggelamkan melodi dari alat-alat muzik tertentu dan nyanyian;

- (iii) senikata lagu itu sama ada dibawakan secara solo atau paduan suara membawa banyak saranan seks dan perbuatan-perbuatan yang lucu serta bertentangan dengan tatasusila serta kebudayaan tempatan;
- (iv) kekuatan gubahan itu lebih terletak pada kombinasi bunyi-bunyian dan suara dengan rentak yang laju dan bergemuruh yang menimbulkan reaksi fizikal dan emotional yang agresif dan tiada pada kehalusan seni muzik dan keindahan susunannya;
- (v) penyampaian muzik dengan pakaian dan gerak laku yang menyalahi moral-moral budaya dan tatasusila masyarakat Malaysia.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas mendengar jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, saya ingin tahu, apakah kriteria yang benar yang diambil oleh kementerian untuk mengharamkan satu-satu persembahan. Adakah oleh sebab kriterianya itu dari segi kesenian ataupun oleh sebab persembahan satu-satu artis? Misalannya bagi muzik yang sama, adakah pihak Kementerian akan mengharamkan persembahan oleh Sahara Yaakob misalannya, tetapi membenarkan persembahan oleh Noor Kumalasari atau Sharifah Aini? (*Ketawa*)

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri yang diambil kira oleh Kementerian ataupun

Kerajaan di dalam mengharamkan ini ialah ciri-ciri yang boleh membawa kepada kemerosotan akhlak dan menjejaskan keamanan masyarakat. Tidak timbul masalah siapa yang akan membuat pertunjukan ataupun kumpulan mana yang akan membuat pertunjukan itu.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada panduan yang telah dibuat, apakah Kerajaan bercadang untuk mengharamkan muzik-muzik "rock" ini di television dan juga di radio kerana tidak ada gunanya diharamkan di luar tetapi kalau television dan radio terus menganjurkan muzik-muzik yang sedemikian?

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan kerjasama Kementerian Penerangan telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa di peringkat Menteri dan di peringkat Pegawai untuk menggariskan satu garis panduan yang akan menyelaraskan segala sama ada bentuk konsert, sebagaimana saya sebutkan tadi, filem dan apa-apa juga tayangan sama ada di TV RTM ataupun TV swasta.

## KEGIATAN EKONOMI/ SISTEM KEWANGAN

**9. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kepercayaan orang ramai terutama peniaga-peniaga terhadap kesihatan ekonomi dan sistem kewangan kita telah merosot dan ini telah mengakibatkan berjuta-juta ringgit wang kita keluar ke negara jiran dan negara lain dan pengaliran wang yang banyak ini telah mengurangkan nilai matawang kita. Jika sedar, apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh Kerajaan supaya kepercayaan orang ramai

terutama kepada ekonomi kita dapat dikekalkan. Apakah peranan Bank Negara dalam perkara ini. Apakah langkah positif yang masih dilaburkan di luar negeri, dapat balik untuk dilabur di Malaysia supaya dengan ini kita berharap ekonomi kita akan pulih dengan cepat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kegiatan-kegiatan ekonomi di dalam negeri telah tejejas akibat dari kemelesetan yang berlarutan disebabkan oleh keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak menggalakkan dan ini telah menjejaskan prestasi eksport negara kita. Keadaan ini bertambah buruk dengan adanya terlalu ramai penyibar khabar-khabar angin yang tidak berasas. Ada yang menyebarkan khabar angin ini untuk kepentingan diri sendiri yang sempit. Dan yang lebih menyedihkan lagi ada pula rakyat negara kita yang suka percaya kepada khabar-khabar angin ini. Khabar-khabar angin yang tidak berasas ini telah menjejaskan keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini bahawa prospek jangka panjang bagi pertumbuhan ekonomi negara adalah cerah dan tidak ada sebab dan alasan mengapa keyakinan terhadap ekonomi harus diragui. Oleh itu, kenyataan adanya kurang keyakinan terhadap ekonomi negara adalah tidak berasas. Kenyataan tersebut semata-mata disebarkan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Aliran keluar dan masuk wang dari sesebuah negara ke negara yang lain adalah merupakan perkara biasa bagi negara-negara yang mengamalkan sistem pertukaran wang asing yang liberal seperti negara kita Malaysia. Di bawah sistem ini, Kerajaan tidak menghalang sesiapa yang ingin menyimpan wang mereka di luar negeri atau membawa balik semula

keuntungan-keuntungan yang diperolehi ke negara asal mereka. Sistem yang liberal ini hertujuan untuk menggalakkan pelaburan asing dalam negara ini serta perdagangan yang bebas antarabangsa. Sistem kawalan pertukaran asing di negara kita sekarang telah berjalan dengan memuaskan terutamanya dalam usaha menarik kemasukan pelaburan asing. Ini dicerminkan oleh aliran masuk bersih modal asing berjumlah sebanyak \$12.7 ribu juta bagi tempoh 1981-1985 berbanding dengan sebanyak \$6.4 ribu juta bagi tempoh 1976-1980.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah pun beberapa kali dimaklumkan bahawa nilai ringgit adalah berdasarkan kepada sekumpulan matawang rakan-rakan perdagangan utama kita. Kejatuhan nilai ringgit sejak beberapa bulan kebelakangan ini adalah disebabkan oleh harga barangan utama yang rendah dan kekukuhan kebanyakan matawang negara-negara perindustrian di pasaran pertukaran wang antarabangsa. Bank Negara hanya akan campurtangan apabila perlu dengan tujuan untuk menyederhanakan turun naik nilai ringgit dan bukan untuk menghalang terhadap pertukaran daripada mencerminkan keseimbangan aliran permintaan dan penawaran di pasaran.

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan sekarang. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan termasuklah mempelbagaikan industri-industri pembuatan yang bercorak eksport dengan menyediakan berbagai-bagai insentif kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan. Kerajaan juga telah bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah untuk

menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran seperti yang diperakukan oleh Pasukan Petugas Pegawai-pegawai mengenai kemelesetan ekonomi. Sektor swasta hendaklah menyambut baik segala langkah dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan dengan memainkan peranan yang lebih penting sebagai enjin kepada pertumbuhan ekonomi negara di masa hadapan. Dengan ini sahajalah pertumbuhan ekonomi negara akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya memperkukuhkan lagi keyakinan terhadap prospek kekukuhan ekonomi negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pernah mengadakan satu kajian kenapa kita sampai satu tahap di mana khabar angin mengikut pemimpin-pemimpin Kerajaan boleh merosakkan atau mengancam kestabilan ekonomi. Adakah ini oleh kerana Kerajaan sudah menyelewengkan daripada satu sikap yang terbuka, mengadakan satu sikap yang sempit dan bukannya satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah bahawa satu Kerajaan yang lebih accountable lebih terbuka, termasuk tarik balik OSA Bill?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tentang khabar angin ini Ketua Pembangkang ini lebih arif daripada saya.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam konteks ekonomi sekarang dan yang sedang dikusutkan dengan khabar-khabar angin, adakah benar bahawa wang keluar daripada negara kita pada masa ini melebihi daripada wang masuk. Jikalau benar, wang negara kita ini lebih banyak keluar daripada wang yang masuk, dan kalau untuk mendapat wang masuk kita telah pergi ke luar negeri untuk menggalakkan pelabur-pelabur

datang, jadi bagaimanakah langkah Kerajaan untuk mengelak dan menyekat wang negara yang keluar itu?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kalau dibandingkan angka-angka yang kita ada sejak tahun 1983 hingga 1985 aliran keluar lebih khususnya dari segi pelaburan, lebih yang keluar daripada yang masuk.

Sebagai contoh tahun 1983 sahaja aliran keluar kasar ialah sebanyak \$3,512 juta berbanding dengan wang masuk bagi tahun yang sama sebanyak \$1,589 juta dan tahun 1984 wang keluar \$3,216 juta sedangkan wang masuk hanya \$1,549 juta. Bagi tahun 1985 wang keluar 3,134 juta dan masuk \$1,688 juta.

Kita sedar perkara ini, maka itulah berbagai-bagai insentif telah disediakan oleh Kerajaan supaya menggalakkan lagi lebih ramai pelabur-pelabur asing datang ke negara kita dan juga meminta supaya lebih ramai lagi rakyat negara kita ini melabur di tempat-tempat sendiri, ertinya di dalam negara sendiri dan tidak perlu pergi ke tempat lain. Malangnya seperti saya katakan awal-awal tadi, kadangkala kita sendiri juga merasa ragu-ragu oleh sebab khabar-khabar angin ini.

Saya berharap sangatlah pihak-pihak yang berkuasa, pihak-pihak yang ada pengaruh, pihak-pihak yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini, tujuan utama sekali tak usahlah kita sendiri yang cuba menyebarkan khabar-khabar angin, kalau kita sendiri dapat memberi kepercayaan sudah tentu orang ramai akan dapat memberi kepercayaan juga. Seelok-eloknya khususnya parti-parti Pembangkang tak usahlah menggunakan hal ini untuk kepentingan politik, tetapi lebih mementingkan negara daripada segala-gala yang lain.

### KAMPUNG-KAMPUNG BARU— KEMAJUAN

**10. Tuan Ngoi Thiam** Woh minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sebab-sebab urusan kemajuan kampung-kampung baru yang dahulunya di bawah kelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dipindah ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
- (b) sama ada pemindahan ini bererti kegagalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memelihara kepentingan kampung-kampung baru dan juga sama ada peruntukan lebih banyak akan diberi kepada kampung-kampung baru; dan
- (c) jumlah peruntukan untuk kemajuan kampung-kampung baru dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-5 dan apakah kampung-kampung baru yang akan mendapat faedah daripada peruntukan ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pengawasan pembangunan kampung baru telah pun dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya program pembangunan luar bandar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan lagi ke arah mencapai pembangunan negara secara keseluruhannya. Dengan meletakkan Pembangunan Kampung-kampung Baru bersama-sama dengan Pembangunan Luar Bandar di

bawah satu agensi, Kerajaan juga dapat mengambil tindakan bersepadu, mengelakkan pertindihan program dan mengurangkan pembaziran sumber-sumber. Oleh yang demikian persoalan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kegagalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memelihara kepentingan kampung-kampung baru tidak timbul;

- (b) di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, pembangunan kampung-kampung baru akan diberi perhatian yang sama seperti mana Kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar yang lain. Peruntukan pembangunan akan diluluskan berdasarkan kepada keperluan semasa dan setempat; dan
- (c) di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$25 juta juga telah pun diperuntukkan untuk pembangunan kampung-kampung baru dan mulai tahun 1987, pembangunan kampung-kampung baru akan diintegrasikan ke dalam pembangunan luar bandar pada keseluruhannya.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kementerian ataupun Kerajaan telah membuat satu kajian mengenai peratus kemudahan-kemudahan asas yang telah diberikan kepada kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisional menunjukkan bahawa kemudahan asas adalah lebih kurang didapati oleh kampung-kampung tradisional jika dibandingkan dengan kampung-kampung baru?

Adakah dengan perubahan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini satu penyelarasan akan dibuat untuk memastikan bahawa kampung-kampung tradisional akan mendapat kemudahan-kemudahan asas agar peratus perbezaan itu dapat dikurangkan?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar satu kajian telah dijalankan mengenai tahap pembangunan di kawasan-kawasan kampung baru. Tetapi saya ingat apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Parit Buntar itu ialah apakah kampung-kampung yang telah dapat menikmati kemudahan-kemudahan atau tahap pembangunan yang agak memuaskan akan diberikan perhatian yang lebih, masalahnya ialah kepadatan bilangan penduduk di kampung-kampung baru.

Mengikut perangkaan tahun 1983 household density, dengan izin, iaitu peratusan kepadatan isi rumah di kawasan kampung baru ialah 12 orang bagi setiap rumah-rumah di kampung baru berbanding dengan purata bagi Semenanjung Malaysia, iaitu cuma 6 orang bagi setiap buah rumah dan akibat daripada kepadatan di kawasan kampung-kampung baru, maka wujudlah berbagai masalah seperti sampah, longkang dan pengurusan tempatan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memperkenalkan konsep halacara baru yang dibuat di kampung-kampung tradisional ke dalam kawasan kampung-kampung baru pula?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan yang telah termaktub dalam Rancangan Malaysia Kelima, ada satu strategi pembangunan kampung baru yang

telah dirancang dan pembangunan yang dirancang itu adalah lebih kurang dengan apa yang dikatakan kampung halacara baru yang telah diperkenalkan di kawasan kampung-kampung tradisi.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa kepadatan purata penduduk dalam sebuah keluarga di kampung-kampung baru adalah 12 orang dan ini adalah 100% lebih daripada purata bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Memandangkan hakikat ini apakah rancangan Kementerian beliau untuk mengurangkan kepadatan ini daripada 12 orang sekeluarga puratanya kepada purata Semenanjung Malaysia ialah 6 orang dan sama ada dalam mengadakan rancangan ini, adakah pihak Kerajaan Persekutuan membincangkan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya meningkatkan juga kadar 100% luas tanah atau, dengan izin, house lots dalam kampung-kampung baru untuk menunaikan hasrat untuk mengurangkan kepadatan 12 orang sekeluarga dalam kampung-kampung baru kepada 6 orang sekeluarga?

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memperbetulkan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi, beliau mengatakan ada 12 orang dalam sebuah keluarga. Sebenarnya ada juga dalam sebuah rumah sekeluarga ada 20 orang.

Untuk menjawab soalan yang pertama, iaitu apakah Kementerian saya telah merancang supaya dapat mengurangkan pandangan 12 orang dalam sebuah rumah, ini seperti saya katakan tadi telah pun dirancang dan termaktub di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Mengenai soalan yang kedua iaitu apakah Kerajaan-kerajaan Negeri akan membanyakkkan lot-lot

perumahan, ini memang sedang dibincang dan melalui kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri akan diperbanyakkan lot-lot rumah di kawasan-kawasan yang berkenaan.

## UNIVERSITI TERBUKA (OPEN UNIVERSITY)

**11. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil laporan mengenai "Univesiti Terbuka" (Open University); adakah Kerajaan menyokong konsep ini, bila ia akan dilaksanakan dan butir-butir bentuknya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan program Universiti Terbuka. Masalah untuk menampung lebih ramai lagi pelajar dapat diatasi dengan cara memperkembangkan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan melalui pembesaran kampus induk, menambah kampus-kampus cawangan, mengadakan kursus-kursus pengajian baru dan menubuhkan jabatan-jabatan baharu supaya pengambilan pelajar-pelajar pada setiap tahun dapat dipertingkatkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran pernah mempertimbangkan laporan Universiti Terbuka itu dan kalau ada, apakah selain daripada keputusan yang dibuat tadi, langkah-langkah untuk mengkaji semula konsep ini kerana; saya pun tidak tahulah sama ada Yang Berhormat menyedari bahawa Menteri-menteri Pelajaran yang sebelum ini telah pun menyatakan minatnya di dalam hal Universiti Terbuka ini untuk memenuhi keperluan pelajaran di negara ini.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum sedar, Menteri Pelajaran sekarang sudah mengkaji laporan mengenai konsep Universiti Terbuka, tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada cadangan-cadangan yang baik, bolehlah bersuara di dalam Dewan yang mulia ini untuk kita memberi perhatian yang berat dan kita akan mengikutkan pandangan-pandangan yang baik itu untuk dikaji dengan teliti pandangan-pandangannya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sebab-sebab kenapa Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan Universiti Terbuka ini. Sebab penjelasan yang diberi tadi, usaha-usaha untuk memberi peluang pelajar-petajar belajar di pusat pengajian tinggi tetapi kita dapati ada sokongan-sokongan daripada tokoh-tokoh pendidikan tanahair seperti universiti-universiti terutamanya Vice-Chancelors telah pun memberi cadangan kepada konsep ini. Sebab sekarang pun kita mengadakan kursus-kursus off campus. Jadi, saya kurang convince, Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat tadi.

**Tuan Woo See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, konsep untuk mengadakan Universiti Terbuka itu dahulu, kita hendaklah mengadakan satu Universiti Terbuka berkaitan dengan beberapa institusi iaitu gabungan daripada semua institusi ini seperti dari MARDI (Malaysian Agricultural Research and Development Institute), PORIM (Palm Oil Research Institute of Malaya and Rubber Research Institute of Malaya), kita ada cadangan hendak mengkaji semua institusi-institusi ini di bidang pelajaran.

Sekarang kita sedang mengkaji tetapi satu keputusan belum dijalankan sebab Kementerian

Pelajaran sekarang fikirkan, kita tidak perlu mengadakan Universiti Terbuka sebab kampus-kampus kita akan diperbesarkan untuk menampung pelajar-pelajar.

### PATA—KEMAJUAN INDUSTRI PELANCONG

**12. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah kesan-kesan yang dapat dinikmati oleh negara dengan berlangsungnya Persidangan Pelancong Pasific—Asian (PATA) di Kuala Lumpur tidak lama dahulu. Apakah tindakan susulan Kerajaan untuk mempertingkatkan kemajuan industri pelancongan di negara ini.

27-11-1986

**5. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peserta dan pelancong yang menghadiri Persidangan PATA di negara kita baru-baru ini. Nyatakan juga sejauh mana perkembangan yang dicapai dalam sektor pelancongan oleh negara kita selepas persidangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya berharap hari ini tidak ada lagi satu baktism fire.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan sebut itu. Sila teruskan.

**Tuan M. G. Pandithan:** Itu bukan baktism fire tetapi crucification. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini dan juga soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Kamaruzaman bin Ahmad pada 27-11-86 adalah mengenai Persidangan PATA. Oleh

itu, saya bercadang untuk menjawab kedua-dua soalan itu serentak pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah pun menghuraikan kesan-kesan positif Persidangan PATA 1986 semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam pada 7hb Oktober, 1986 dan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 13hb Oktober . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan gunakan nama, Yang Berhormat.

**Tuan M. G. Pandithan:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 13hb Oktober, 1986. Pada kesimpulannya, penganjuran Persidangan PATA 1986 sesungguhnya telah pun menunjukkan kesan yang amat positif bukan sahaja ke arah meninggikan imej negara bahkan juga sebagai asas yang amat berguna kepada sektor swasta untuk meneruskan usaha-usaha perniagaan mereka bagi meningkatkan lagi kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini.

Mengenai tindakan susulan Kerajaan untuk mempertingkatkan kemajuan industri pelancongan negara, perkara ini juga telah dijelaskan oleh Menteri semasa menjawab soalan Yang Berhormat dari Ulu Selangor pada 7hb Oktober 1986. Secara ringkas, saya sukalah menegaskan di sini bahawa Kerajaan telah dan akan terus melipatgandakan usaha-usaha penggalakan dengan lebih agresif menerusi penganjuran misi jualan pelancongan, program penggalakan khas dan lawatan suaikenal untuk penulis-penulis pengembaraan dari luar negeri bagi membolehkan mereka itu menilai dan

menghasilkan publisiti yang baik mengenai negara ini di semua pasaran-pasaran yang terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong Karang bertanya jumlah peserta ke Persidangan PATA dan sejauh manakah perkembangan yang dicapai berikutan persidangan tersebut. Mengikut rekod pendaftaran sejumlah 2,538 para delegasi telah menyertai Persidangan PATA 1986 dan PATA Travel Mart. Ini tidak termasuk 414 orang peserta lain yang menghadiri PATA Trade Show.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah terlalu awal bagi kita untuk mengikut sejauh manakah perkembangan yang dicapai dalam sektor pelancongan negara selepas Persidangan PATA. Ini adalah kerana impact, dengan izin, sesuatu Persidangan PATA akan hanya dialami oleh sesebuah negara tuan rumah dalam tempoh masa satu atau dua tahun selepas persidangan tersebut diadakan. Dalam masa yang sama . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah jawapannya itu?

**Tuan M. G. Pandithan:** Lagi sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lagi sedikit? Ya, sedikit sahaja.

**Tuan M. G. Pandithan:** Saya tidak mahu beri peluang untuk . . . . .  
(Ketawa)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh bertutur macam itu.

**Tuan M. G. Pandithan:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah kerana impact sesuatu Persidangan PATA akan hanya dialami oleh sesebuah negara tuan rumah dalam tempoh masa satu atau

dua tahun selepas persidangan tersebut diadakan. Dalam masa yang sama impact sedemikian akan hanya diperolehi jika terdapat tindakan-tindakan susulan yang gigih dan berterusan dijalankan terutama oleh sektor swasta di pasaran-pasaran pelancongan yang terpilih.

Sungguhpun begitu, sebagai negara tuan rumah Malaysia telah pun mulai memperolehi kesan-kesan yang positif hasil penganjuran Persidangan PATA 1986 dari segi peningkatan kesedaran dan publisiti mengenai negara ini. Kesan baik ini adalah dijangka akan berterusan dan meningkat lagi di masa-masa hadapan.

#### RTM—SIARAN BIMBINGAN AGAMA

**13. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah rancangan Bimbingan Agama untuk golongan belia dan remaja dapat disiarkan memandangkan rancangan Bimbingan Agama yang sedang disiarkan sekarang lebih menumpukan mesej kepada golongan dewasa sahaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, siaran Bimbingan Agama yang disiarkan oleh RTM sekarang ini bukanlah ditujukan kepada golongan dewasa sahaja, malah terdapat sebahagian besar dari kandungannya merupakan pendidikan dan ajaran yang meliputi semua lapisan masyarakat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan khususnya RTM sedang berusaha supaya golongan belia sendiri akan mengambil bahagian dalam rancangan Bimbingan Agama yang mana dengan itu golongan belia akan dapat mengutarakan sebarang pandangan terhadap masalah-masalah

yang dihadapi oleh mereka dan cara-cara mengatasinya mengikut pandangan agama Islam yang maha suci.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kementerian Penerangan untuk memperbaiki format persembahan rancangan agama di RTM.

**Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah baru yang telah diambil bagi memastikan segala jenis rancangan agama di RTM memberi kesan yang meningkat, sebuah jawatankuasa khas berhubung dengan perkara ini telah pun ditubuh dan suatu panduan dan pandangan telah pun disusun bagi tujuan yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Soal Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 14 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).*

#### LPN—PEMBELIAN PADI

**5. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Perusahaan Awam menjelaskan kemampuan LPN sebenarnya menguruskan masalah pembelian padi bagi membantu petani yang sumber pendapatannya kepada padi semata-mata. Kenapakah sentiasa timbul konflik dan tidak puashati mengenai peranan LPN. Apakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam bersetuju jika ada cadangan supaya LPN dipindahkan ke Kementerian Pertanian supaya kerja mudah diselaraskan dengan lain-lain agensi pertanian supaya ianya lebih berkesan. Jika bersetuju, apakah Yang Berhormat Menteri bercadang

untuk mengemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kabinet bagi membuat perubahan tersebut.

#### **Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):**

(i) Pada masa ini LPN mempunyai sebanyak 34 buah kompleks yang berkeupayaan tetap untuk mengilang sebanyak 417,120 tan metrik padi setahun, mengering sebanyak 312,000-520,000 tan metrik padi setahun dan menyimpan sebanyak 272,000 tan metrik padi. Dengan keupayaan tersebut LPN hanya berkemampuan untuk mengendalikan sebanyak 30% jumlah padi yang dijual pada sesuatu musim. Gambaran yang lebih jelas dapat diperhatikan apabila dibandingkan keupayaan ini dengan pembelian padi yang dibuat oleh LPN. Sepanjang tahun 1985, LPN telah membeli sejumlah 560,157 tan metrik padi dan bagi tahun 1986 sehingga bulan September LPN pula telah membeli sejumlah 515,920 tan metrik, atau 47% daripada padi yang dipasarkan.

(ii) Masalah dan rasa tidak puashati yang selalu dibangkitkan terhadap LPN berlaku terutamanya apabila musim menuai jatuh dalam musim hujan di mana padi yang dihasilkan dalam keadaan basah dan pihak swasta enggan untuk membeli padi tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan petani-petani menumpukan jualan mereka kepada LPN. LPN terpaksa membelinya walaupun pembelian itu melebihi

kemudahan-kemudahan yang ada termasuk kemudahan-kemudahan yang ditambah. Daripada jualan padi yang dibeli tahun ini sehingga bulan September sebanyak 80,254 tan metrik ialah daripada hasil tuaian bulan-bulan Julai dan September iaitu tuaian dalam musim hujan. Sebahagian besar dari pembelian ini dibuat di Kedah dan Perlis.

- (iii) Sebagaimana yang telah pun diterangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 8 Oktober 1986, untuk menambah keupayaan LPN supaya mampu menyelenggarakan semua padi yang dibelinya untuk mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh petani, peruntukan lebih daripada \$900 juta adalah diperlukan dan di dalam keadaan ekonomi negara pada masa ini, peruntukan seperti ini tidak dapat diadakan. Lagipun, tindakan ini di mana semua padi dibeli oleh LPN akan mengurangkan peranan pihak swasta di dalam industri ini dan ini adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan sekarang untuk menambahkan peranan swasta di dalam ekonomi negara.

Mengenai perpindahan LPN ke Kementerian lain, perkara ini tidak timbul kerana LPN bukan terlibat dalam pertanian padi tetapi pemasaran padi dan beras serla stokpail strategik negara.

#### INDUSTRI PEMBINAAN

**14. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menggiatkan lagi industri

pembinaan terutamanya dalam sektor swasta di Sabah, jika tidak, mengapa. Adakah Kerajaan telah memperkenalkan Polisi Perumahan Nasional untuk mengawal serta melindungi industri pembinaan di Malaysia. Jika belum, mengapa.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti pembinaan perumahan merupakan sebahagian daripada industri pembinaan. Bagi meningkatkan lagi aktiviti pembinaan rumah, beberapa langkah telah diambil untuk menggalak sektor swasta membina rumah kos rendah dan menambahkan permintaan berkesan (effective demand) bagi rumah jenis ini. Di antara langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (a) mengurangkan piawaian-piawaian perancangan dan infrastruktur;
- (b) mengurangkan "Holding Cost" (yang terpaksa ditanggung oleh pemaju akibat dari kelewatan dalam memberi kelulusan-kelulusan berkaitan dengan pembangunan perumahan) dengan cara mempercepatkan proses-proses yang berkenaan;
- (c) mengurangkan bayaran-bayaran berkaitan dengan tanah;
- (d) penyediaan tanah yang sesuai oleh Kerajaan Negeri untuk dimajukan oleh sektor swasta melalui program penswastaan;
- (e) mempercepatkan proses untuk mendapatkan pinjaman untuk pembangunan perumahan (bridging finance).

Berhubung dengan perlindungan ke atas industri binaan, Kerajaan memang sudah mempunyai dasar melindungi keluaran-keluaran

tempatan yang menghadapi persaingan yang tidak sihat dari pengeluar-pengeluar negara asing, iaitu dengan menaikkan kadar duti import ke paras yang berpatutan. Di samping itu pula beberapa bahan-bahan binaan seperti simen dan besi keluli telah diisytihar sebagai barangan terkawal untuk menjamin supaya harga barangan itu tidak dinaikkan sewenang-wenangnya dan juga untuk menjamin bekalan yang stabil.

Kerajaan sememangnya telah mempunyai dasar perumahan yang bertujuan untuk menentukan semua rakyat Malaysia terutama golongan yang berpendapatan rendah dapat menikmati kemudahan perumahan yang mencukupi. Strategi-strategi perumahan bagi rancangan lima tahun Kerajaan adalah berpandukan kepada dasar ini. Dalam tempoh 1986-1988 sejumlah 240,000 unit rumah kos rendah akan dimajukan.

### **PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN**

**15. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) nilai-nilai Islam yang telah diterapkan ke dalam pentadbiran Kerajaan dan masyarakat dan apa nilai-nilai lagi akan diterapkan;
- (b) sama ada ini akan termasuk percantuman mahkamah syariah dan sivil, jika ya, bagaimana ia akan dilakukan; dan
- (c) sama ada undang-undang Islam akan menjadi undang-undang teragung negara ini walaupun separuh daripada penduduknya terdiri daripada orang-orang bukan Islam,

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor):** Kerajaan telah memilih beberapa nilai utama dalam Islam yang merupakan sebagai kunci ke arah membantu kejayaan dalam menjalankan urusan-urusan pentadbiran negara. Nilai-nilai itu ialah amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, bekerjasama, berbudi mulia dan bersyukur.

Dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran merupakan bimbingan bagi membentuk akhlak ke arah meneguhkan maruah negara.

Mengenai pertanyaan (b) dan (c), jawapannya telah saya berikan dalam Dewan ini pada 15hb Oktober yang lepas dan saya tidak berhajat hendak mengulanginya.

### **KEMELESETAN EKONOMI**

**16. Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi negara yang sedang melanda negara ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri, mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan, memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam, meningkatkan tabungan awam dan swasta dan mempergiatkan pertumbuhan sektor swasta.

Untuk perbincangan terperinci langkah-langkah ini Ahli-ahli Yang Berhormat diminta merujuk Laporan Ekonomi 1986/1987. Saya telah pun

mengumumkan beberapa langkah-langkah baru di dalam Ucapan Belanjawan 1987 baru-baru ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kesembilan*)

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

*Maksud B.28 hingga B.32 (Jadual)—  
Maksud P.28, P.31, P.58 (Anggaran Pembangunan 1987)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.28 hingga B.32 dan P.28, P.31, P.58 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

3.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Maksud B.28 diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 bagi Butiran 010000, Program Aktiviti Pentadbiran Am—Kod 1000 Emolumen berhubung dengan gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya benarkan Yang Berhormat selama 20 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, dua minggu lalu Kerajaan telah mengemukakan Kertas Putih mengenai 24 buah koperasi-koperasi pengambilan deposit serta bencana koperasi sebanyak \$1.5 bilion yang dihadapi oleh 588,000 pendeposit-pendeposit di mana laporan tersebut telah berkata Kerajaan berpendapat bahawa orang ramai tidak sepatutnya bertanggungjawab atas kerugian besar yang berlaku akibat dari pengurusan koperasi yang lemah. Atas dasar prinsip Kerajaan tidak sepatutnya menanggung setiap kerugian dalam institusi-institusi sama ada ianya syarikat koperasi ataupun badan berkanun. Tindakan ini akan menggalakkan pengurusan yang tidak bertanggungjawab di mana akan merugikan orang ramai.

Tuan Pengerusi, dengan satu pukulan Kerajaan, khasnya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengelakkan tanggungjawab moral politik dan undang-undang Kerajaan terhadap 588,000 pendeposit-pendeposit yang kebanyakannya mereka adalah rakyat biasa iaitu suri-suri rumahtangga, penjaja-penjaja, pekerja-pekerja dan peniaga-peniaga kecil yang telah menyimpan seluruh simpanan malah wang keranda mereka dalam koperasi-koperasi.

Prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Kertas Putih itu tidak pula menghalang Kerajaan daripada memperuntukkan \$150 juta untuk menyelamatkan Bank Rakyat, sebuah lagi koperasi yang menghadapi liquidasi disebabkan penipuan, pecah amanah secara jenayah dan salah-pengurusan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Pemuda UMNO masa itu atau memperuntukkan \$2.5 billion wang

minyak dari PETRONAS untuk menyelamatkan Bank Bumiputra akibat penipuan bank dan kewangan yang terbesar sekali yang pernah berlaku dalam sejarah Malaysia ataupun daripada mengambil kerugian sebanyak \$660 juta yang dialami akibat dari operasi membeli bijih timah secara misteri di London dalam tahun 1981 melalui sebuah syarikat \$2 bernama MAMINCO ataupun daripada menanggung kerugian sebanyak \$2,000 juta yang dialami oleh syarikat-syarikat Kerajaan seperti diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam Parlimen baru-baru ini. Sehingga sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengambil alih tanggungjawab ke atas 24 buah koperasi ini daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak mengutarakan satu sebab yang kuat mengapa Kerajaan mendiskriminasikan 21 buah koperasi-koperasi ini, yang menghadapi kesulitan serta mengapa Kerajaan tidak mahu menyelamatkan 588,000 pendeposit-pendeposit sedangkan ianya boleh menyelamatkan Bank Rakyat dahulu. Apakah politik merupakan sebuah sebab mengapa diskriminasi ini berlaku disebabkan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO terlibat dalam Bank Rakyat maka mereka terpaksa diselamatkan sementara pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO tidak terlibat dalam bencana kewangan koperasi sekarang, maka Kerajaan boleh melepaskan tangan dan membiarkan sahaja mereka kepada nasibnya.

Sebenarnya Menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin MCA dan Gerakan sepatutnya membantah keras ketidakadilan dan diskriminasi seumpama ini. Di mana Menteri-menteri dari UMNO boleh bergantung kepada mereka untuk mendapat sokongan untuk menggunakan wang Kerajaan untuk menyelamatkan Bank

Rakyat dan Bank Bumiputra sementara Menteri-menteri dari UMNO tidak mahu membalas dengan menghulurkan sokongan Kerajaan untuk menyelamatkan 21 buah koperasi yang menghadapi kesulitan ini. Di mana KSM menghadapi kesulitan yang terbesar sekali dengan tidak mampu bayar instalment sebanyak \$330 juta kepada 166,000 pendeposit-pendepositnya.

Adakah Menteri Kewangan sedar bahawa dengan enggan memberi sokongan yang sama untuk menyelamatkan 21 buah koperasi ini yang menghadapi kesulitan serta sokongan yang Kerajaan telah memberi untuk menyelamatkan Bank Rakyat, Kerajaan akan dituduh sebagai melakukan diskriminasi atas dua alasan iaitu atas alasan politik UMNO dan kaum. Tidak boleh diragukan bahawa sekiranya 588,000 pendeposit-pendeposit yang terlibat ini adalah terdiri dari pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO maka sudah pasti Kerajaan akan mengemukakan satu rancangan penyelamat sebanyak \$600 juta untuk menyelamatkan mereka. Atas alasan ini sahaja Menteri Kewangan sebagai Menteri yang bertanggungjawab ke atas nasib 24 buah koperasi-koperasi yang mengambil deposit harus disensored dan gajinya dipotong sebanyak \$10. Akan tetapi ini bukan sahajalah alasan yang tunggal, skandal kewangan koperasi ini bukan sahaja merupakan skandal pegawai-pegawai dan pengarah-pengarah yang rasuah koperasi-koperasi tetapi ianya juga adalah skandal Kerajaan khasnya Jabatan Pembangunan Koperasi, Kementerian Kewangan dan Bank Negara yang mana kelalaian dan ketidak-tanggungjawab mereka telah menyumbang secara besar terhadap skandal koperasi ini yang berjumlah \$1.5 bilion.

Melalui kenyataan-kenyataannya Kerajaan telah menggalakkan rakyat

menyimpan simpanan mereka sebagai deposit dalam koperasi-koperasi dan Kerajaan telah mncecewakan para pendeposit dengan gagal mengawal dan menyelia dengan baik pengurusan koperasi-koperasi ini. Umpamanya, akhbar **Malayan Thung Pau** bertarikh 9hb November, 1985 telah memuatkan satu rencana utama di muka depannya yang memetik Bank Negara dan Jabatan Pembangunan Koperasi sebagai berkata bahawa hanya 28 buah koperasi sahaja dibenarkan mengambil deposit. Laporan tersebut juga telah memetik Timbalan Menteri Kewangan ketika itu, Dr Tan Tiong Hong, sebagai berkata dalam nada yang sama dan laporan tersebut kemudiannya menyenaraikan nama 28 buah koperasi yang dibenarkan mengambil deposit dan ini termasuklah koperasi-koperasi yang menghadapi kesulitan kini seperti KOSATU, SAKAPP, KSM, PORTISS, GUNUNG EMAS, MIFC, SEPADU, KOSMOPOLITAN, KOMUDA dan lain-lain.

Akhbar **Malayan Thung Pau** adalah bersifat amat memujuk atau "persuasive", dalam perkara ini kerana semua orang pun tahu bahawa ia adalah dimiliki oleh MCA dan dengan sebab itu akhbar tersebut adalah suara rasmi Menteri-menteri MCA. Jaminan-jaminan seumpama ini yang diberikan oleh Bank Negara, Timbalan Menteri Kewangan dan Jabatan Pembangunan Koperasi telah mendorong pendeposit-pendeposit untuk terus membiarkan deposit-deposit mereka dalam koperasi-koperasi ataupun mendorong pendeposit-pendeposit baru untuk menyimpan seluruh simpanan hayat mereka ke dalam koperasi-koperasi.

Bagaimanakah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab boleh kini melepaskan tangannya daripada tanggungjawab ini, walhal Kerajaan yang mendorong atau mempengaruhi orang-orang awam menyimpan

simpanan-simpanan mereka dalam koperasi-koperasi tersebut?

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun menjadi Menteri Kewangan, apabila Timbalannya waktu itu, Dr Tan Tiong Hong, memesong atau mislead para pendeposit-pendeposit koperasi melalui laporannya dalam **Malayan Thung Pau**, yang mana laporan tersebut menasihatkan para pendeposit hanya bertenang dan bersabar dan jangan mendengar khabar-khabar angin mengenai ketidakmampuan koperasi-koperasi yang mengambil deposit ini. Bolehkah Kerajaan kini mengabaikan 588,000 pendeposit-pendeposit itu yang mempercayai Timbalan Menteri Kewangan dan Kerajaan dan Bank Negara secara amnya telah berkata bahawa ia hanya campurtangan dalam perkara koperasi ini hanya pada 23hb Julai, 1986, apabila ia membekukan aset KOSATU dan pengurusannya di bawah Peraturan-peraturan Perlindungan Pendeposit-pendeposit Perlu, 1986 dan bahawa sehingga itu ia tidak tahu menahu langsung mengenai keadaan kucar-kacir dalam cawangan-cawangan kewangan koperasi-koperasi. Ini tidaklah hakikatnya.

Pada awal bulan Januari ini, saya sendiri telah memberitahu Gabnor Bank Negara, Dato' Jaafar Hussein, dan Pegawai-Pegawai Kanan Bank Negara tentang skandal yang bakal berlaku dalam cawangan-cawangan kewangan koperasi. Apabila saya menemui mereka mengenai skandal Setia Timur Credit dan Leasing dan mereka telah melahirkan rasa pandang berat terhadap perkara tersebut. Pada akhir bulan Januari, 1986, Majalah **Malayan Business** telah memetik Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi, Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Wahab, sebagai berkata bahawa pegawai-pegawai dari Bank Negara telah dipinjamkan ke jabatan tersebut untuk mengawasi dan

menyelidiki koperasi-koperasi yang mengambil deposit, maka dengan itu bagaimana Bank Negara kini boleh berpura-pura bahawa ia tidak tahu langsung mengenai masalah ini sehingga Julai 23hb tahun ini?

Namun demikian, 588,000 pendeposit-pendeposit itu tidak berminat dengan izin, passing the buck, yang dimainkan oleh berbagai Jabatan Kerajaan kerana ke semua Jabatan itu adalah sebahagian daripada jentera Kerajaan dan Kerajaan hendaklah menanggung penuh ke atas kelalaian dan ketidakbertanggungjawapan mana-mana jabatan.

Sebab ketiga mengapa Kerajaan tidak harus mengabaikan tanggungjawab untuk menyelamatkan 588,000 pendeposit-pendeposit ini ialah disebabkan Kerajaan tidak bertindak ke atas berbagai maklumat dan aduan mengenai amalan-amalan curang dan amalan-amalan yang tidak sah dari segi undang-undang yang berlaku dalam koperasi-koperasi yang mengambil deposit sejak 5 tahun kebelakangan ini di mana sekiranya Kerajaan telah bertindak untuk membanteras amalan-amalan curang itu dalam sistem kewangan koperasi, ia pasti akan mencegah bencana koperasi sebanyak \$1.5 billion daripada berlaku. Lima tahun dahulu Kerajaan telah mempunyai maklumat yang cukup untuk bertindak ke atas Pengerusi KOSATU, Tee An Chuan tetapi Kerajaan tidak membuat apa-apa. Apabila direnung kembali adalah jelas terdapat satu komplot yang melibatkan berbagai-bagai agensi penguatkuasaan Kerajaan dan Pengarah-pengarah Koperasi yang rasuah dan tidak jujur, khasnya pengarah-pengarah yang melakukan penipuan, pecah amanah secara jenayah (*Tepuk*) dan penyalahgunaan kuasa secara besar-besaran yang membolehkan amalan-amalan

curang ini berterusan sehingga seluruh sistem ini runtuh dalam bulan Ogos tahun ini.

Parti DAP menyeru agar sebuah Suruhanjaya Penyiasatan yang bebas ditubuhkan untuk menyalidiki bagaimana kelalaian dan ketidakbertanggungjawapan berbagai agensi penguatkuasaan Kerajaan telah sebenarnya merupakan sebab tunggal yang terbesar sekali yang menyebabkan bencana koperasi sejumlah \$1.5 billion ini. Saya yakin bahawa satu siasatan yang menyeluruh akan mendedahkan bahawa wujudnya satu komplot yang kotor yang melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan dan Pengarah-pengarah Koperasi untuk menipu simpanan-simpanan 588,000 pendeposit-pendeposit dalam lima tahun kebelakangan ini.

Biarlah penyiasatan seumpama ini mendedahkan senarai pegawai-pegawai Kerajaan yang berada dalam payroll, Pengarah-pengarah Koperasi yang rasuah untuk menutupkan mata mereka terhadap penipuan dan pencurian besar-besaran yang berlaku dalam koperasi-koperasi dalam masa 5 tahun terkebelakangan ini.

Menurut Kertas Putih, jumlah tanggungan deposit 20 buah koperasi berkenaan adalah sebanyak \$1,490 juta setakat 8hb Ogos tahun ini. Aset bersih yang sedia ada untuk dibahagi-bahagikan adalah sebanyak hampir \$900 juta, yang bermakna terdapat jumlah kekurangan modal atau shortfall \$600 juta. Sekiranya Kerajaan bersedia untuk mengemukakan satu rancangan penyelamat sebanyak \$600 juta, maka nilai bersih aset pendeposit-pendeposit akan dipulihkan kepada nilai \$1 bagi setiap deposit bernilai \$1. Apakah \$600 juta bagi 588,000 pendeposit berbanding dengan \$150 juta bagi hanya sebuah koperasi atau Bank Rakyat yang diberikan 10 tahun

dahulu. Apa yang diminta oleh DAP dan para pendeposit-pendeposit ini ialah Kerajaan seharusnya menyediakan satu rancangan penyelamat, berjeniskan rancangan penyelamat Bank Rakyat untuk selamatkan pendeposit-pendeposit ini dan tuntutan ini tidak keterlaluan atau tidak adil. Kerajaan hendaklah menukar keputusannya seperti yang terkandung dalam Kertas Putih yang ia tidak akan menjamin deposit-deposit koperasi-koperasi tersebut. Kertas Putih itu tidak memberi harapan kepada sebilangan besar pendeposit-pendeposit berkenaan. Ia hanya mencadangkan KOSATU, SAKAPP diliquidasikan dan bahawa Bank-bank dan syarikat kewangan akan dipelawakan mengambilalih tanggungan deposit serta aset lain-lain DTC dengan KSM diletakkan dalam satu kategori khas.

Kertas Putih telah berkata bahawa bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan boleh ambilalih aset-aset dan liabiliti koperasi-koperasi tersebut. Akhbar-akhbar telah melaporkan bahawa terdapat kesulitan (features) dalam cadangan pengambilanalih oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang dicadangkan oleh Kerajaan dan lebih lama lagi perkara ini dipanjangkan, maka wang-wang yang akan diperolehi oleh para pendeposit-pendeposit akan menjadi lebih berkurangan pada akhirnya. Saya menyeru Menteri Kewangan memberi satu kenyataan yang jelas tentang kedudukan semasa 24 buah koperasi ini kerana dua minggu yang lalu semenjak Kertas Putih dikemukakan. Sehubungan dengan itu, ingin saya minta penjelasan mengapa Kertas Putih tidak memuatkan beberapa detil mengenai siasatan Bank Negara ke dalam 24 buah koperasi tersebut, termasuk nama orang-orang besar yang terlibat dalam menyalahgunakan wang koperasi-koperasi tersebut. Saya difahamkan bahawa rujukan kepada

seorang ahli politik yang berpengaruh, dan adalah dalam Dewan yang mulia ini, telah digugurkan daripada Kertas Putih tersebut.

Tuan Pengerusi, cara Kerajaan mengendalikan bencana kewangan koperasi sebanyak \$1.5 billion, bukan sahaja merupakan sebab mengapa Yang Berhormat Menteri harus dicensured dan sebenarnya ada sebab-sebab yang lain. Oleh kerana masa suntuk dan tidak mengizinkan saya dengan secara kasar sahaja menyentuh lagi tiga alasan.

Pertama, percanggahan kepentingan dalam tiga urusan UMBC. Tuan Pengerusi, alasan yang pertama ialah soal percanggahan kepentingan yang berlaku dalam 3 urusan UMBC yang melibatkan syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan termasuklah keengganan Menteri berkenaan untuk memberitahu harga yang PERNAS telah membayar untuk membeli saham-saham UMBC dalam penjualan yang terbaru sekali yang dilakukan oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pada hari pertama apabila Parlimen bersidang, iaitu pada 10hb Oktober, dalam jawapan bertulis kepada Soalan Mulut saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah berkata bahawa tidak perlu untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja untuk menyiasat urusan UMBC yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana tidak berlakunya apa-apa percanggahan kepentingan. Beliau juga membuat dakwaan yang menghairankan bahawa saham-saham UMBC dimiliki oleh keluarga Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan.

Di sini kita mendapati berlakunya satu kes di mana si dituduh menjadi

hakim pula kerana bukan sahaja Yang Berhormat Menteri yang berada dalam dock kerana percanggahan kepentingan yang berlaku dalam urusan UMBC, malah seluruh Kementerian Kewangan dan Jemaah Menteri juga berada dalam dock, kerana, dengan izin, aid and abet Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melakukan percanggahan kepentingan tersebut. Dan saga ketiga UMBC yang terbaru sekali ini di mana seluruh block saham UMBC dimiliki oleh syarikat-syarikat keluarga Yang Berhormat Menteri dijual kepada PERNAS dengan harga yang tidak dinyatakan, yang memerlukan PERNAS memperolehi pinjaman Yen untuk membiayai pembelian-pembelian tersebut, di mana orang awam tidak diberitahu mengenai butir-butir lanjut dan justifikasi urusan sedemikian rupa satu lagi skandal kewangan besar.

Alasan yang kedua ialah bahawa keengganan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberi satu perakaunan yang penuh mengenai episod membeli timah yang mysterious oleh Syarikat \$2.00 MAMINCO. Rakyat Malaysia ada hak untuk mengetahui latarbelakang sebenarnya MAMINCO ini, khasnya oleh kerana sudah ada percanggahan, ada konflik mengenai apa sebenar berlaku, oleh kerana sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa dalam tahun 1980, MAMINCO dan urusan ini ada diberi kelulusan oleh Kabinet, tetapi bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn ada buat satu penafian; dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila ditanya mengenai version yang konflik ini ada berkata, dengan izin, It is up to you to believe which one.

Tuan Pengerusi, inilah bukan satu cara, satu Kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan tanggungjawabnya, oleh kerana dalam remark itu, ertinya rakyat percaya

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau bekas Perdana Menteri (*Tepuk*). Kita ada hak untuk tahu siapa yang benar, oleh kerana Kementerian Kewangan bertanggungjawab atas perkara ini khasnya dalam tahun 1985/1986, Telephone Directory menunjukkan MAMINCO di bawah Kementerian Kewangan—yang mengakibatkan kerugian besar sebanyak \$660 juta kepada rakyat jelata.

Sebab yang ketiga ialah kegagalan Menteri Kewangan untuk memberi satu lagi penjelasan yang memuaskan mengenai operasi-operasi MAKUWASA yang menggunakan wang KWSP untuk menjalankan saham-saham speculative. Sebenarnya Kementerian Kewangan sudah memainkan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama oleh kerana memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri bahawa ada 2 buah syarikat MAKUWASA, apabila sebenarnya ada 5 syarikat MAKUWASA yang menggunakan acronym "KWSP". Apa yang rakyat faham mengenai skandal MAKUWASA sebenarnya, dengan izin, tip of the iceberg dan rakyat ada hak untuk mengetahui mengenai selok-belok, latarbelakang dan cerita sepenuhnya perkara MAKUWASA, oleh kerana kita mahu satu Kerajaan, satu Kementerian Kewangan, satu Menteri Kewangan yang boleh menunjukkan satu mutu, satu tahap yang tinggi mengenai, dengan izin, public property, accountability, dan responsibility. Kalau sebuah Kerajaan yang "committed" kepada prinsip perakaunan public dan integrity, pemimpin-pemimpin Kerajaan sepatutnya sudah tentulah menjalankan siasatan bebas terhadap ketiga-tiga skandal ini, iaitu UMBC, MAMINCO dan MAKUWASA, untuk menunjukkan kepada rakyat jelata di Malaysia bahawa Kerajaan tidak ada apa-apa untuk disembunyikan dalam perkara ini.

Atas sebab koperatif skandal, MAMINCO skandal, UMBC skandal dan MAKUWASA skandal, saya cadangkan, oleh kerana Kerajaan tidak rela untuk menunjukkan satu sikap yang ikhlas dan jujur dengan rakyat jelata bahawa gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan patut dipotong \$10.00 (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Terap, nanti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah bahawa wang yang diperuntukkan bagi Kepala B.28 dikurangkan sebanyak \$10.00 berkenaan dengan Kod 1000, Butiran 010000 di muka 145 dalam Anggaran Perbelanjaan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Terap.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:** Saya hendak membahaskan peruntukan yang biasa, bukan usul ini.

**Tuan Pengerusi:** Bukan yang ini? Itu tidak boleh, nanti, tunggu dulu. Kita berbahas di atas pindaan ini.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.28, muka surat 145.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, kita membahaskan di atas cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Yang Berhormat dari Kepong.

3.37 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong dan empat alasan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Yang sebenarnya ada beberapa alasan lagi.

Alasan yang pertama bagi saya ialah beberapa kali sudah pihak DAP membangkitkan hal, akan berlakunya penyelewengan dan skandal di dalam aktiviti koperasi di negara ini, di dalam Dewan yang mulia ini pun, di

dalam 3, 4 tahun ini kami telah berkali-kali memberi amaran kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengambil tindakan dengan serta-merta, dengan tegas, dengan berkesan, akan tetapi sehingga 23hb Julai tahun ini baru sahaja Bank Negara mengambil tindakan untuk membekukan 24 buah koperasi di negara ini. Ini telah menunjukkan kelalaian, kealpaan yang besar Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, yang bersama-sama tidak mengambil inisiatif, tidak mengambil pusing mengenai apa sahaja yang berlaku dengan koperasi ini.

Setakat ini walaupun ada dibentangkan Kertas Putih mengenai skandal tersebut, kecuali alasan-alasan salah pengurusan dan kekurangan professionalism dan sebagainya, tidak ada dibuat butir selanjutnya yang menunjukkan bagaimana skandal yang setakat ini menelan sekurang-kurangnya \$600 juta ini dapat dibenarkan berlaku di negara ini, terutamanya semasa kemerosotan ekonomi yang berlaku mulai 3, 4 tahun yang lalu. Inilah alasan bahawa kelalaian dan kealpaan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tidak mengambil tindakan dengan serta-merta untuk mencegah dari berlakunya maksiat dan jenayah termoden, jenayah yang menderitakan sekurang-kurangnya 558,000 pendeposit dan kalau kita ambil kira sanak-saudara, sekurang-kurangnya 3 juta orang yang terlibat yang terus mengalami kesusahan. Kalau kita kira lagi kemerosotan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat Malaysia, betapa seriusnya perkara ini.

Setakat ini saya tidak nampak penyelesaian atau formula yang berkesan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan. Saya tidak nampak mengapa, seperti yang disebutkan

oleh Yang Berhormat dari Tanjong, pihak Kerajaan, pihak Kementerian Kewangan tidak dapat memperuntukkan sekurang-kurangnya \$600 juta untuk menyelamatkan 558,000 pendeposit daripada penderitaan-penderitaan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Ada satu alasan lagi iaitu pada 4hb Mac tahun ini pihak Kerajaan telah mengumumkan tertubuhnya Koperasi Kawalan Kredit Berhad. Dengan pengumuman ini, maka ramai orang lagi, ramai bakal pendeposit di negara ini telah membuat deposit dengan koperasi-koperasi yang dibenarkan oleh Kerajaan untuk mengambil deposit daripada rakyat. Pada 4hb Mac itu Kerajaan ada mengumumkan bahawa 34 koperasi dibenarkan untuk mengambil deposit dan dengan kedua-dua pengumuman ini, maka tidak hairanlah ramai pendeposit lagi membuat deposit dengan koperasi-koperasi tersebut.

Ini menunjukkan pihak Menteri Kewangan tidak begitu meneliti keadaan yang sebenarnya sebelum membenarkan Kerajaan mengumumkan Koperasi Kawalan Kredit Berhad. Dengan pengumuman ini ia bermakna bahawa Kerajaan memberi jaminan kepada rakyat jelata mengenai keutuhan koperasi-koperasi tersebut, memberi keyakinan terhadap koperasi ini kepada rakyat dan saya pun tidak tahulah berapa orang lagi membuat deposit dengan koperasi-koperasi ini sejak 4hb Mac tahun ini. Adalah perlu bagi Kerajaan untuk menyiasat dengan teliti bilangan pendeposit yang membuat deposit sejak 4hb Mac itu kerana dari jangkaan saya, mungkin lebih daripada seratus ribu orang yang membuat deposit ini dan pihak Kerajaan termasuk Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri

Pembangunan Negara dan Luar Bandar, terpaksa mengambil tanggungjawab ini untuk mengembalikan deposit yang telah dibuat oleh 558,000 pendeposit ini.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi yang penting iaitu penyelarasan di antara Bank Negara dengan Jabatan Pembangunan Koperasi. Saya pun tidak faham mengapa tidak wujudnya penyelarasan yang sempurna apabila 34 buah koperasi ini dibenarkan untuk mengambil deposit. Kalau tidak ada peraturan yang ketat, mengapa Kerajaan ataupun Bank Negara membenarkan Jabatan Pembangunan Koperasi ini mengizinkan 34 buah koperasi mengambil deposit. Ini adalah menunjukkan 'kesilapan Menteri Kewangan yang besar. Dengan bank-bank, dengan institusi kewangan yang lain, terdapat syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ketat untuk mengawal kegiatan mengambil deposit ini supaya kepentingan pendeposit dapat dipelihara, akan tetapi dengan koperasi yang mengambil deposit ini, mengapa tidak adakan syarat yang demikian? Oleh kerana pihak Bank Negara dan pihak Menteri Kewangan tidak mengambil indah, maka penjenayah-penjenayah ekonomi yang termoden ini mengambil kesempatan.

Besar kemungkinan ada ahli-ahli ataupun segelintir pegawai-pegawai di dalam Jabatan Pembangunan Koperasi dan mungkin di Bank Negara ada segelintir orang-orang yang bersubahat dengan penjenayah-penjenayah moden untuk membenarkan pihak koperasi ini membuat apa sahaja dengan deposit-deposit yang diambil daripada rakyat Malaysia.

Dengan alasan yang ketiga ini, saya akhirnya menyokong Yang Berhormat dari Tanjong untuk mengurangkan gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan sebanyak \$10. Sekian, terima kasih (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Kuantan.

4.09 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya bangun ingin mengambil bahagian tentang usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjong iaitu antara lain ialah untuk mengurangkan sebanyak \$10 gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan atas usul yang dibuat sebentar tadi. Sebenarnya saya tidak bersetuju dengan usul itu.

Tuan Pengerusi, apa yang diperkatakan itu sebenarnya mencerminkan dan membuat satu refleksi bahawa jenayah kewangan ini bukanlah terdapat pada sesuatu kaum tetapi ianya merupakan soal-soal kelemahan manusia, manusia yang dianggap tidak sempurna, baik bangsa apa pun, baik kaum apa sekali pun.

Jadi, Tuan Pengerusi, apabila saya mendengar hujah-hujah tadi, saya seolah-olah merasakan bahawa ada sesuatu fobia yang sentiasa berlegar di sekitaran soal-soal koperasi, 34 DTC umpamanya, soal-soal MAMINCO dengan modal \$2, soal-soal MAKUWASA dan lebih daripada segalanya yang selalu diulang-ulangkan ialah soal krisis keyakinan. Apabila perkara ini disokong pula oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, beliau sendiri sekali lagi membesarkan phobia itu kepada soal-soal keyakinan tentang Bank Negara dengan pentadbiran dan kawalannya, tentang soal 34 DTC mengambil wang daripada orang ramai sebagai deposit dan soal-soal seperti penjenayah moden. Saya terasa Yang Berhormat dari Kepong ini kadang-kadang, dengan izin seolah-olah "scraping the bottom of the barrel".

Tuan Pengerusi, dalam keadaan kita menghadapi krisis ekonomi yang

begitu genting, yang begitu pahit ini, kita tidak perlu menyusahkan lagi keadaan dengan menimbulkan soal-soal yang tidak menguntungkan negara kita. Soal hendak mengurangkan wang gaji \$10 Menteri Kewangan itu, ianya lebih merupakan satu tindakan, satu sikap yang amat sinis, tidak ada maknanya \$10 itu, tetapi hanya menunjukkan bagaimana tidak sebulunya, tidak setujunya dengan keadaan yang berlaku yang kebanyakannya di luar kawalan sesiapa sahaja, di luar kawalan Menteri Kewangan dan juga di luar kawalan Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, soal 34 buah koop ini sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, beliau mengatakan kenapa pihak berkuasa, Kerajaan, Bank Negara dan sebagainya membenarkan DTC mengambil duit .....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Boleh beri atau tidak?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Bolehlah, saya beri chance.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa 34 koperasi ini diumumkan oleh Kerajaan, tetapi ada banyak lagi yang mengambil deposit yang tidak diumumkan. Itulah hakikatnya dan saya pun tidak berapa faham dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, "scraping the barrel", pada hal ada banyak lagi, tidak payah scrape the barrel. Kerana masa tidak mengizinkan, yang disentuh itu hanya limpahan daripada barrel, overspilling the barrel.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tidak apalah Yang Berhormat dari Kepong. Walaupun itu bukan penjelasan, tetapi kita dengar sahajalah tentang apa yang telah beliau katakan. Tetapi

soalnya ialah apa yang ditanyakan tadi, kenapa pihak Kerajaan, Bank Negara dan pihak-pihak berkuasa lain membenarkan 34 DTC ini mengambil wang daripada orang ramai dalam bentuk deposit.

Saya rasa jawapan kepada keraguan ini senang. Namanya pun sendiri "Deposit Taking Co-operatives". Dengan sendirinya sudah terjawab. Yang menjadi soalnya ialah setelah mengambil deposit itu, berlakulah soal-soal yang dianggap atau dipanggil penyelewengan dan saya ulang sekali lagi soal penyelewengan ini bukan terbatas kepada satu-satu kaum. Ini terbukti bahawa soal penyelewengan ini, soal penjenayah kewangan dan sebagainya tidak mengenal kaum. Itu sudah merupakan soal kelemahan manusia. Kalau kita hendak menimbulkan soal ini sebagai sesuatu yang diarah tujuan kepada sesuatu pihak di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa sikap seperti itu tentulah tidak menyenangkan, kerana ianya tidak memberi sumbangan terhadap keadaan ekonomi yang negara kita hadapi pada waktu ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa sudah sampai waktunya soal-soal yang sinikal ini, mengenai MAMINCO, saya rasa sudah beratus kali diulangkan di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi tentu sekali jawapannya tetap sama, baik diberikan oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan ataupun Menteri Perdagangan, tetap sama, kerana masalahnya sama dan jawapan-jawapannya pun sama.

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak tuduh bahawa Bank Negara tidak menjalankan tugas kerana telah diberitahu lebih awal ataupun telah diberi amaran sudah ada tanda-tanda daripada awal lagi bahawa benda ini akan berlaku, saya rasa tuduhan itu, dengan izin, "farfetched"; kerana

selalunya benda yang salah hendaklah benda ini berlaku dahulu. Apabila sudah berlaku barulah tindakan-tindakan diambil kerana apabila kita hanya mengambil tindakan di atas desas-desus ataupun hanya berdasarkan khabar-khabar angin ataupun berdasarkan dengan tidak berasaskan maklumat-maklumat yang genap dan yang jitu, tentu sekali langkah-langkah seperti itu akan membawa perlaksanaan yang mungkin dipertikaikan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Saya rasa, sekarang soal masa dan apabila masa itu sampai benda tu didedah barulah didedahkan. Dan ini dengan sendirinya menunjukkan sikap jujur pihak Kerajaan untuk mendedahkan apa yang berlaku di bawah bidang kuasanya dan pendedahan seperti ini adalah menunjukkan kejujuran kita dan kita tidak ingin kalau kita menggunakan ungkapan Inggeris, seperti menyapu sampah di bawah tikar, "sweeping the rubbish under the carpet". Terima kasih kepada kawan saya di sebelah DAP sana membantu saya dalam ungkapan begitu.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin menyatakan rasa tidak bersetuju saya terhadap usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu untuk mengurangkan gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan sebanyak \$10 kerana apa yang diusulkan itu dan apa yang diujjahkan itu tidak membawa sesuatu yang boleh dianggap membina di dalam iklim ekonomi kini, di dalam keadaan sosio-ekonomi dan juga di dalam masalah politik yang dihadapi bersama di negara kita Malaysia yang tercinta ini.

Dengan itu saya memohon tidak bersetuju dan menentang usul itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pendang.

4.16ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Pendang):** Saya bangun, pertama sekali bagi menyatakan penentangan saya terhadap usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, kerana ini bukanlah kali pertama Ahli Yang Berhormat atau Pembangkang membawa usul bagi memotong \$10 gaji Menteri Kewangan. Tiap-tiap tahun usul ini dibawa, pada pandangan saya, dengan harapan bahawa pihak DAP atau Pembangkang akan menyampaikan pandangan yang berulang-ulang kali bagi menyebutkan beberapa perkara yang biasanya disebut sebagai satu amalan biasa bagi DAP membawa usul memotong \$10 ini dengan alasan untuk menyampaikan pandangannya berulang-ulang kali disebutkan.

Saya bersetuju dengan pendapat sahabat saya dari Kuantan bahawa perkara MAMINCO, MAKUWASA, UMBC ini telah banyak kali dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan menjelaskan kepada kita semua tentang penyelewengan yang saya telah sebutkan . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun. Beri jalan atau tidak?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat dari Pendang itu dapat berhati-hati dengan ucapannya, kerana dia sudah membuat salah. Cuma satu kali yang diumumkan oleh Yang Berhormat dari Bruas mengenai MAMINCO itu, bukan beberapa kali, satu kali, itupun tidak lengkap. Ada banyak yang tidak disebutkan. Dan tiap-tiap tahun itu adalah salah, di dalam Dewan yang

mulia ini tidak boleh kata tiap-tiap tahun. Tahun ini, kalau tahun lepas, adakah? Dua tahun lepas adakah? Tidak ada.

**Tuan Othman bin Abdul:** Nampaknya ingatan Yang Berhormat dari Kepong sekarang sudah terhad. Saya masih ingat selama saya menjadi Ahli Parlimen, Penggal Yang Kedua ini, tidak kurang daripada tiga kali. Ahli Yang Berhormat dari Kepong nampaknya memorynya sudah kurang agaknya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Berapa kali dalam empat tahun, bukan tahun-tahun. Nampaknya mathsnya tidak boleh pass. (*Ketawa*)

**Tuan Othman bin Abdul:** Daripada tahun 1983 sehingga tahun ini, inilah kali ketiga kita membahaskan Usul \$10, ini Tuan Pengerusi. Saya masih ingat kerana saya mengambil bahagian di dalam tiap-tiap kali perbahasan memotong gaji Menteri Kewangan \$10 ini. Janganlah kita bersikap keanak-anakan. Kita mempunyai peluang yang banyak. Tentang penyelewengan saya ada sebutkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak bersetuju.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam sidang yang keenam barulah sekali satu cadangan untuk memotong gaji Menteri Kewangan \$10 ialah oleh kerana skandal BMF. Dan inilah sebab yang tepat bukan sahaja potong \$10 dari gaji Menteri Kewangan, tetapi patut potong gaji semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional oleh kerana mahu menutup skandal BMF. Satu kali sahaja, bukan tiga kali. Bukan sahaja "maths" tidak boleh pass, dia punya "memory" pun sudah hilang (*Tepuk*).

**Tuan Othman bin Abdul:** Ketua Pembangkang ini pun samalah dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya setuju semasa BMF \$10, semasa

Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dulu \$10; dan sekarang ini \$10 lagi. Ingat baik-baik. Baca Hansard, jangan ingat kata kami "Backbenchers" Barisan Nasional ini tidur dalam Dewan ini. Kami ingat, apa yang diperkatakan oleh DAP kami ingat. Cubalah Yang Berhormat ingat betul-betul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tunjuk bukti.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sudahlah. Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Hendak bukti, carilah Hansard, baca sendiri. Kita sudah tidak mahu baca, tetapi ingat perkara itu.

Tuan Pengerusi, soal penyelewengan, kami bersetuju. Penyelewengan BMF kita setuju, koperasi DTC kita bersetuju bahawa penyelewengan, jenayah itu kita setuju bahawa ini tidak patut berlaku. Kita bersetuju. Orang yang salah tetap akan bersalah. Tetapi soalnya sekarang ini tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan yang difikirkan oleh Kerajaan mestilah dihalusi dengan cara mendalam supaya tindakan yang kita ambil itu boleh melengkapinya semua.

Kalau hendak mengikut kehendak DAP, malaikat bangun pun saya rasa tidak dapat menjalankan, memuaskan hati para pemimpin dan ahli-ahli DAP ini. Kalau ada orang yang mati hidup balik pun menerangkan bahawa Kerajaan betul, DAP tidak bersetuju juga. Ini hakikat bahawa Pembangkang memang tidak bersetuju dengan Kerajaan. Ini satu hakikat yang mesti kita terima dalam perkara ini.

Dalam soal penyelewengan, saya sebut saya pun tidak setuju. Adakah DAP ini mempunyai bukti-bukti yang cukup lengkap bahawa mereka mengetahui iaitu skandal berlaku

dalam soal MAKUWASA, UMBC dan juga MAMINCO. Soal UMBC misalnya yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Kewangan, perkara "negotiation" ataupun perundingan ini berlaku sejak tahun 1982, semasa itu Yang Berhormat dari Merbok masih lagi menjadi Ahli Parlimen biasa. Tetapi apabila beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan perkara itu tidak diluluskan oleh beliau. Ini semua orang tahu. Satu kenyataan telah dikeluarkan oleh Kerajaan bahawa keputusan untuk mengambil alih saham UMBC ini dibuat oleh Kabinet. Timbul pula soal mengapa PERNAS hendak ambil sekarang, dulu tidak mahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya, perkara UMBC bukan tahun 1982, 1984. Dan memang benar bahawa Yang Berhormat dari Merbok belum dilantik sebagai Menteri Kewangan apabila satu persetujuan dicapai untuk membeli 40% saham-saham UMBC daripada Multi-Purpose. Tetapi selepas itu kelulusan ada dibuat oleh Pemangku Menteri Kewangan atas arahan Kabinet dalam suatu masa di mana Yang Berhormat Menteri pergi ke luar negeri. Dan saga kedua, apabila saham itu naik 51%, lagi Yang Berhormat Menteri pergi ke luar negeri dan perkara itu diluluskan oleh "Acting" Menteri Kewangan. Dan baru-baru ini UMBC saga ketiga, di mana penjualan kepada PERNAS, lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan pergi ke luar negeri untuk kelulusan dibuat oleh "Acting" Menteri Kewangan. Itu "conflict of interest" dan perlu satu siasatan yang terbuka tetapi "Orang Pendang" tidak boleh lihat (*Tepuk*).

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Pengerusi, saya hendak beri maklumat tambahan kepada Ketua Pembangkang ini. Sebenarnya bukan tahun 1984, saya katakan 1982. Perundingan pembelian ini pada tahun 1982, pada masa itu PERNAS yang

berkehendakkan kalau sekiranya dia diberi pegangan majoriti di dalam UMBC dia akan mengambilalih pada ketika itu. Tetapi pada masa itu Yang Berhormat dari Merbok, yang belum lagi menjadi Menteri Kewangan, berhajat hendak membeli. Jadi, disebabkan oleh PERNAS badan Kerajaan, yang tidak mahu menentang seorang bumiputera yang lain untuk membeli saham UMBC ini, maka dengan sebab dan alasan itulah PERNAS menolak tawaran itu. Tetapi sekarang ini apabila PERNAS mendapat tawaran 51% maka inilah sebabnya PERNAS bersetuju mengambilalih. Ini maklumat tambahan saya hendak beri kepada Ketua Pembangkang. Jangan duduk panas kepala, beritahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, bukan tahun 1982.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kalau tidak tahu duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tunjuk!

**Tuan Othman bin Abdul:** Kalau tidak tahu duduk, jangan jadi keras kepala. Saya beritahu ini. Maklumat asal bahawa rundingan ini berlaku sejak tahun 1982. Terimalah kenyataan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak terima, itu bohong.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, jangan cakap begitu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kalau cakap bohong, boleh keluar. Tidak usah dengar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tidak tahu kenyataan. Bila kita kata tak erti, dia marah, bila kita tidak tahu, dia marah. Tahun 1982 kenyataannya.

1984 Yang Berhormat dari Merbok telah menjadi Menteri Kewangan. Soalnya sekarang ini yang meluluskan—bukanlah keputusan Menteri Kewangan yang meluluskan tetapi Kabinet yang meluluskannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, point of order. Seseorang . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Peraturan?

**Tuan Othman bin Abdul:** Peraturan berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** 36 (4) bahawa seorang tidak patut membuat cakap bohong dalam Dewan ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh . . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduklah, duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Insulting, offensive language dalam Dewan ini termasuk bohong.

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduklah, duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini?

**Tuan Othman bin Abdul:** Boleh bawa Usul kepada Committee. Kalau bohong boleh bawa Usul kepada Committee, kerana kita ada Committee khas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap bahawa kelakuan yang biadap . . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduklah, duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tunjuk satu kelakuan yang biadap.

**Beberapa Orang Ahli:** Ruling!

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tunjuk satu kelakuan yang biadap.

**Tuan Othman bin Abdul:** Duduklah! Jangan biadap. Duduk!

**Seorang Ahli:** Point of order!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tarik balik perkataan "biadap".

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan duduk bukan atas arahan "orang yang Pendang."

**Tuan Othman bin Abdul:** Tarik balik perkataan "biadap."

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pendang, jangan bincang dengan dia secara langsung. Teruskan ucapan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Pertama sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu tarik balik perkataan "biadap". Perkataan "biadap" unparliamentary termasuk dalam Senarai. Minta tarik balik perkataan itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Siapa yang keluarkan perkataan itu?

**Tuan Othman bin Abdul:** Yang Berhormat dari Tanjong kata "biadap" tadi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Benarkah Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata bahawa kita tidak mahu kelakuan yang biadap.

**Tuan Othman bin Abdul:** Itu "biadap".

**Tuan Lim Kit Siang:** Orang yang tidak biadap, tidak biadap.

**Tuan Othman bin Abdul:** Perkataan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak kata siapa tak biadap.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tarik balik perkataan "biadap". Tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak kata dia "biadap."

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanjong, sila tarik balik perkataan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tujukan itu kepada sesiapa. Dalam Peraturan Dewan pun ada perkataan "biadap". Kalau saya kata Yang Berhormat dari Pendang "biadap", itu lain hal (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kita tidak boleh gunakan .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkataan "biadap" pun ada dalam Peraturan Dewan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya tahu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, Saya tidak tujukan kepada seorang .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan gunakan perkataan itu dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan. Itu adalah dalam Peraturan .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi dia pun ada guna perkataan "biadap".

**Beberapa Orang Ahli:** Duduklah! duduklah!

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya minta tarik balik perkataan "biadap". Saya bukan katakan dia "biadap".

**Tuan Lim Kit Siang:** Perkara bukan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Tanjong, saya minta tank balik perkataan itu. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, bagaimana saya boleh tarik balik apabila saya tidak guna perkataan "biadap" terhadap Yang Berhormat dari Pendang?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya tidak boleh membenarkan sesiapapun Ahli Yang Berhormat menggunakan perkataan ini di dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terhadap seseorang, ya.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak gunakan perkataan "biadap". Boleh check dengan "tape recorder" (*Tepuk*). Saya kata bahawa kita mahu kelakuan yang bukan "biadap". Saya tidak kata Yang Berhormat dari Pendang tidak "biadap" atau "biadap". Boleh check dengan "tape recorder."

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Atau boleh check *Hansard* besok.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat gunakan perkataan "biadap" tadi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Adakah tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi sekarang pun menggunakan perkataan "biadap", itu bukan hal.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata bahawa saya tidak. . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat gunakan perkataan itu tadi apabila berbincang dengan Yang Berhormat dari Pendang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak menggunakan perkataan "biadap" terhadap Yang Berhormat dari Pendang.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya sudah buat satu keputusan. Sila patuhi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagaimana, saya tidak gunakan. Kalau saya ada gunakan, itu lain hal. Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri pun tidak dengar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta dari Yang Berhormat, Yang Berhormat kata ada gunakan perkataan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata bahawa kita mahu kelakuan yang tidak biadab dalam Dewan ini. Adakah ini unparliamentary? Kita tidak mahu kelakuan yang tidak biadab di Dewan ini. Adakah ini unparliamentary? Kalau unparliamentary biadap perlu dihapuskan daripada Peraturan Mesyuarat (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat gunakan perkataan itu, Yang Berhormat bincangkan kelakuan Yang Berhormat dari Pendang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, saya katakan . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itulah maknanya yang saya terima.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tujuan. Saya jelaskan . . . . .

**Tuan Pengerusi . (Tuan D. P. Vijandran):** Sekarang saya sudah suruh Yang Berhormat yang akhir, saya minta duduk sekejap! Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan itu. Kalau tidak, saya terpaksa gunakan . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, on a point of order.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya bincangkan sekarang . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, barangkali Tuan Speaker tidak ada pengalaman jadi Tuan Speaker, oleh kerana tidak tahu apa-apa dalam . . . . . (*Tepuk*), tidak ada pengalaman dalam Dewan Rakyat. Oleh kerana itu barangkali tidak faham apa yang ada dalam Peraturan ini.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak boleh terima Tuan Speaker, oleh kerana tidak patut. We will not accept any nonsense from you (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanjong dahulu. Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Tanjong. saya minta, sila tarik balik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ada kata bahawa saya tidak menggunakan perkataan biadab terhadap Yang Berhormat dari Pendang. Itulah penjelasan saya.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Pengerusi, point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau saya ada menggunakan, saya tarik balik. Hal itu, adakah saya guna atau tidak menggunakan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap atas point of order, Peraturan Mesyuarat 44 (1), 44 (2): Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa pada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli yang lain dalam sesuatu perbahasan. boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.

(2) Pengerusi hendaklah memerintah seseorang ahli yang berkelakuan haru-biru, keluar dengan serta-merta daripada Majlis Mesyuarat (*Tepuk*) hingga habis persidangan pada hari itu.

Pada hari ini nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong telah mewujudkan sesuatu kelakuan haru-biru (*Bool*).

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dia bentangkan satu point of order, Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Maka Tuan Pengerusi telah membuat keputusan dan keputusan itu adalah keputusan yang muktamad, tidak boleh dicabar. Maka saya mendesak Tuan Pengerusi menggunakan kuasa yang diberikan di bawah 44 (2) memerintahkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong keluar daripada Majlis pada hari ini dengan serta-merta.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Saya minta .....

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Saya mahu bertanya Tuan Pengerusi sama ada perkataan bahawa dalam Dewan yang mulia ini kita patut mengadakan kelakuan yang tidak biadab, boleh atau tidak boleh? Kalau saya ada kata bahawa .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, apa bezanya .....

**Tuan Lim Kit Siang:** .... .saya belum habis. Saya belum habis. Kalau saya ada kata bahawa Yang Berhormat dari Pendang ialah biadab, kelakuannya biadab, ucapannya biadab, itu saya mengakui. Saya rela menarik balik apa yang saya ada kata. Tetapi apa yang saya tidak kata, adakah mengikut point of order patut Tuan Pengerusi untuk memaksa bahawa saya ada kata menggunakan "biadap" itu terhadap Yang Berhormat dari Pendang. Saya sudah menjelaskan. Dan saya rasa penjelasan saya itu jelas, patut dan sudah cukup (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sudah jelaskan, Yang Berhormat—saya sudah jelaskan tadi apabila perbincangan jadi pertengkaran tadi, Yang Berhormat keluarkan perkataan itu terhadap Yang Berhonnat dari Pendang iaitu Yang Berhormat kata, kita mesti ada satu kelakuan yang tidak biadab. Dalam konteks itu maknanya terhadap Yang Berhormat dari Pendang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah kata .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sebab itu .....

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Adakah tujuan .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ini kita boleh bincang 3, 4 hari.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, sampai tamat. Adakah tujuan Chair untuk assume apa saya bererti. Saya sudah jelaskan .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya buat keputusan tadi .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau saya tidak menjelaskan, itu lain hal.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terpujanglah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah jelaskan iaitu saya tidak kata bahawa Yang Berhormat dari Pendang biadab, dan kalau mahu memaksa saya menggunakan itu adalah hal Yang Berhormat Tuan Pengemsi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya sudah buat satu keputusan, saya minta Yang Berhormat patuhi. Kalau tidak, saya terpaksa gunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44 (2).

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa yang saya kata ialah saya tidak gunakan biadab terhadap Yang Berhormat dari Pendang. Kalau saya ada gunakan, saya tarik balik, saya tidak gunakan. Saya tidak gunakan, bagaimana saya tarik balik.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya terimalah iaitu Yang Berhormat sekarang berkata Yang Berhormat lansung tidak gunakan perkataan itu terhadap Yang Berhormat dari Pendang. Itu maknanya Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Jelutong. Saya tadi dengar Yang Berhormat

kata saya tidak ada pengalaman di sini. Itu satu cabaran yang saya tidak boleh terima.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Jelutong .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Bolehkah saya beri satu .....

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Tuan Pengerusi sekarang.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan sekarang. Saya terpaksa .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Speaker, habiskan dahulu (*Ketawa*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya tidak boleh terima kelakuan begitu daripada Yang Berhormat, sebab itu satu kelakuan yang mencabar kuasa saya. Sebab itu saya sekarang minta Yang Berhormat keluar satu hari dari Dewan ini (*Tepuk*). Sila keluar Yang Berhormat dengan sendiri, kalau tidak, saya terpaksa meminta Bentara Mesyuarat mengesortkan Yang Berhormat keluar dari Dewan ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada peraturan-peraturan, Tuan Speaker. Apa yang saya cakap tadi benar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sudah buat keputusan .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Benar, oleh kerana tidak ikut peraturan, Tuan Speaker.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Bentara, sila eskortkan Yang Berhormat dari Jelutong keluar dari Dewan. (*Tepuk*)

(*Bentara Mesyuarat berdiri di hadapan Tuan Karpal Singh*).

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat.

**Tuan P. Patto:** Boleh saya minta penjelasan, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh.

**Tuan P. Patto:** Sebab saya rasa bahawa Tuan Pengerusi buat keputusan adalah terlalu kasar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan P. Patto:** Tuan Pengerusi .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi sudah sedikit keras dan kurang meyakinkan kepada pihak .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Keputusan sudah dibuat. Saya tidak boleh menerima kelakuan begitu Yang Berhormat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya tahu oleh kerana ia .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk Yang Berhormat!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Saya belum habis .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk!

**Tuan Sim Kwang Yang:** Rakamkan nama saya juga dan gantungkan saya satu hari sama dengan Yang

Berhormat dari Jelutong pun, boleh juga. Tetapi itu satu keputusan yang tidak dapat diterima, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya tidak kira Yang Berhormat terima atau tidak terima.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, kami tidak boleh terima. Saya keluar—tidak terima keputusan itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Terima kasih, Yang Berhormat . . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Keluar, bukan saya terima keputusan itu—under protest (*Tepuk*).

(*Tuan Karpal Singh keluar Dewan*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pendang, teruskan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, inilah gelagat kedai kopi . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pendang, teruskan dengan ucapan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan menyentuh perkara-perkara lain.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya telah sebutkan tadi bahawa perundingan bagi penjualan ini berlaku sejak tahun 1982, bukan 1984, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa Kerajaan mestilah menilai, mengkaji dengan cara mendalam sesuatu laporan yang dibuat kepada Kerajaan, bukan satu tindakan tergesa-gesa yang diambil oleh Kerajaan, yang mungkin akan menyebabkan perkara-perkara yang tidak tentu mungkin berlaku. Kerajaan telah pun membentangkan

Kertas Putih mengenai koperasi-koperasi ini. Jelas menunjukkan bahawa orang-orang yang bersalah, mereka yang bersalah telah pun tertera nama mereka dalam Kertas Putih itu.

Saya bersetuju, jika sekiranya Pembangkang membuat usul hendak membahaskan Kertas Putih dalam Parlimen ini, dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi soal untuk memotong gaji \$10.00 Menteri Kewangan ini sesuatu kenyataan, sesuatu usul yang keanakanakan dan kebudak-budakan yang tidak seharusnya keluar.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, lagi dua minit.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya bersetuju. Jadi dengan itu, saya mengambil kesempatan untuk menentang sekeras-kerasnya Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang dengan mengatakan perkara-perkara penyelewengan yang dilakukan dengan tanggungjawab yang diletakkan kepada Menteri Kewangan, memanglah Menteri Kewangan yang bertanggungjawab, tetapi Menteri Kewangan adalah manusia, manusia semacam Ketua Pembangkang, manusia sama dengan saya, mempunyai fikiran, akal yang satu, otak yang satu untuk memikirkan hal seluruh negara, 16 juta masyarakat, beribu-ribu perkara yang perlu difikirkan oleh Menteri Kewangan, sudah pastilah beliau tidak dapat untuk memikir seluruh hal yang terdapat. Oleh kerana itu, suatu alasan, suatu pandangan yang baik kepada Kerajaan disalurkan oleh semua pihak termasuk parti Pembangkang DAP, mungkin akan membolehkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku ini dapat disekat dengan lebih awal, bukan menunggu apabila sesuatu kejadian berlaku kemudian hendak menyalahkan

Kerajaan, hendak menyalahkan Menteri Kewangan, untuk menyalahkan orang yang bertanggungjawab dalam Kerajaan. Inilah hakikat yang sedang berlaku sekarang ini di kalangan ahli DAP, semua menunggu-nunggu walaupun mereka itu mungkin tahu, mungkin tidak tahu, sebenarnya mereka ini tidak tahu, pura-pura sahaja tahu.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mengambil bahagian menentang Usul ini sekeras-kerasnya dan tidak timbul soal hendak memotong gaji Menteri Kewangan sebanyak \$10.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat sudah iama kita bincang perkara ini, saya ingin kemukakan masalah bagi diputuskan.

Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan . . . . .

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana boleh hal itu mesti dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tak payah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana boleh, mustahak.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ini bukan satu usul . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Mesti jawab, dia mahu . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Timbalan Menteri berhasrat jawabkah?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Sebab itu saya bangun, Tuan Pengerusi, saya ingat . . . . . (*Sorak*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta Bentara cek sedikit, adakah Ahli-ahli Yang Berhormat sahaja dalam Dewan inikah atau ada kuda-kuda yang sudah masuk? Saya dengar suatu ketawa serupa ketawa kuda (horse). (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, ada jockeykah?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Saya pun tidak nampak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak nampak?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya, dengan izin Tuan Pengerusi, ingin menjawab berkenaan dengan Usul ini bagi pihak Menteri Kewangan.

Sebentar tadi Yang Berhormat dari Tanjong di dalam ucapannya telah menyentuh beberapa perkara, satu daripadanya ialah berkenaan dengan koperasi yang mengambil deposit ini dan Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan bahawa kononnya kalau sekiranya koperasi-koperasi ini terdiri daripada koperasi yang dianggotai oleh orang Melayu, barangkali Kerajaan akan mengambil tindakan yang berbeza dan seterusnya . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada yang bangun Yang Berhormat!

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Saya hendak teruskan sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak kata orang Melayu . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kata pemimpin-pemimpin UMNO itu jahat!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ahli-ahli UMNO bukan Melayu, Melayu bukan UMNO, ada PAS di sini pun! Itu jahat, itu mustahak, serius saya kata . . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . . ahli-ahli UMNO, pemimpin-pemimpin UMNO bukan Melayu. Itu kalau tidak boleh dibetulkan, boleh digunakan untuk menaikkan perasaan kaum.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 35 (1). Peraturan 35 (1) sepatutnya difahami oleh Ketua Pembangkang oleh kerana beliau sudah lama menjadi Ahli Dewan ini, beliau tidak boleh bercakap, kalau tidak ada keizinan daripada Tuan Pengerusi. Tetapi kita sudah tolerate, dengan izin, terlalu lama dan terlalu banyak kali. Saya harap Ketua Pembangkang akan menunjukkan contoh seorang Ahli Parlimen yang baik dalam Dewan ini (*Tepuk*).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, orang Melayu itu orang UMNOlah dan dalam Dewan ini yang bukan UMNO-Melayu seorang sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah memberi sebagai misalan di mana

Kerajaan telah membela Bank Rakyat, dengan itu mengharapkan kita ini percaya bahawa kalau sekiranya koperasi-koperasi ini terdiri kebanyakannya daripada orang Melayu dan UMNO, maka Kerajaan akan memberi tindakan yang berbeza dengan tindakan yang diambil sekarang.

Tuan Pengerusi, sukalah saya memperbetulkan sedikit tanggapan ini. Pertamanya, Kerajaan membantu Bank Rakyat bukan dengan pemberian, Kerajaan membantu kepada Bank Rakyat sewaktu bank tersebut menghadapi kesusahan ialah dengan cara pinjaman seperti jugalah yang telah dicadangkan di dalam laporan ini dan juga beberapa jawapan yang telah kita beri di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan melalui Bank Negara akan memberi pinjaman secara ringan dengan kadar yang rendah sebanyak \$400 juta bagi tujuan memperbaiki mudah-tunai koperasi-koperasi yang terlibat ini.

Tuan Pengerusi, pada prinsipnya Kerajaan tidak sepatutnya menanggung setiap kerugian dalam mana-mana institusi yang berlaku akibat dari pengurusan yang lemah, kerana jika sekiranya Kerajaan menanggung semua kerugian dalam mana-mana institusi, tindakan semacam ini akan menggalakkan lagi pengurusan yang tidak bertanggungjawab, di mana akan merugikan orang ramai dan kalau sekiranya pihak Ketua Pembangkang benar-benar memikirkan tentang orang ramai 16 juta orang berbanding dengan 540,000 dia harus fikir tentang orang ramai, maknanya mesti bersetuju dengan tindakan Kerajaan yang setakat memberi pinjaman \$400 juta bagi DTC ini, dengan izin, Deposit Taking Cooperatives.

Tuan Pengerusi, di samping itu keadaan kemelesetan ekonomi yang berpanjangan seperti yang kita alami

telah juga menyebabkan terjejasnya kedudukan kewangan Kerajaan dan pembayaran cukai tidak sepatutnya menanggung kerugian koperasi-koperasi ini. Adakah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat wujudnya pembentukan satu etika baru bagi pengurus-pengurus syarikat di negara kita ini supaya mereka bersikap professional dan tidak menggunakan peluang yang diberikan kepada mereka untuk membuat perkara-perkara yang dilarang. Rakyat memerlukan pengurus-pengurus baru yang bersih, yang cekap dan beramanah dan tidak bersikap tamak pada segala peluang yang wujud di hadapan mereka kerana amanah yang diberikan. Amanah adalah amat penting dalam mana-mana perniagaan dan ramai yang menghadapi masalah sekarang ini kerana menyalahgunakan amanah bila menguruskan perniagaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menyebut tentang pengadilan yang seharusnya diambil terhadap yang membuat kesalahan. Inginlah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan mengambil tindakan-tindakan wajar bagi membawa mereka yang bersalah ini ke pengadilan.

Kita tidak mahu mendenda ataupun memberi hukuman kepada yang tidak bersalah, maka itu barangkali penyelidikan ini akan memakan masa sedikit supaya tidak mengganggu mereka yang tidak terlibat di dalam halini.

Yang Berhormat dari Tanjong dan begitu juga Yang Berhormat dari Kepong telah menyebut tentang MAMINCO. Saya tidak begitu pasti sama ada saya harus memetik beberapa maklumat yang terdapat di dalam catatan-catatan mesyuarat Kabinet. Tetapi agak saya memadailah kalau saya menyatakan bahawa sebenarnya perkara ini telah dibincangkan dalam bulan Oktober

tahun 1980 supaya Kementerian berkenaan meneliti kemungkinan menubuhkan satu, dengan izin, Tin Stockpile. Ini dibuat dengan tujuan supaya menyokong harga timah yang pada ketika itu sedang menurun. Malangnya, oleh sebab beberapa perkara di luar kemampuan negara kita untuk mengatasinya, terutamanya oleh sebab dua, tiga negara yang juga mengeluarkan bijih timah telah menggunakan kesempatan sewaktu negara kita membeli bijih ini, bagi mereka menjual dengan harga yang lebih baik daripada harga sepatutnya, maka pembelian yang dibuat oleh MAMINCO ini telah tidak berjaya. Oleh sebab ianya tidak berjaya maka pada hari ini pihak-pihak tertentu yang sengaja mengambil kesempatan membuat kritik-kritik barangkali .....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Saya ingat saya teruskan, Tuan Pengcrusi, supaya habis cepat, kerana kita selepas ini hendak membincangkan peruntukan kepada Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk Yang Berhormat dari Tanjong! Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Boleh disebut pada waktu Kementerian Kewangan .....

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila teruskan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Terima kasih. Tetapi saya percaya kalau sekiranya rancangan ini berjaya barangkali, satu patah tahniah pun tidak akan disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kemudian juga Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menyebut supaya siasatan secara terbuka dibuat terhadap kenyataan akhbar bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dahulu.

Tuan Pengerusi, seperti yang telah disebutkan di dalam Dewan yang mulia oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dalam kenyataannya bahawa kewangan MAMINCO telah diperakaunkan dengan teliti dan sebagai satu syankat akaun-akaun MAMINCO akan diaudit dan dihantar kepada Pendaftar Syarikat. Berikutan dengan itu, sesiapa pun termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengkaji akaun tersebut dan pada peringkat itu barulah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong boleh mengutarakan sama ada penyelewengan atau tidak telah berlaku. Setakat ini tidak ada apa-apa yang menimbulkan perlunya diadakan siasatan berkenaan dengan perkara ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuantan dan juga Pendang, saya berterima kasihlah di atas hujah-hujah yang telah diberi oleh mereka tadi yang mana sebenarnya amat menyenangkan saya menjawab usul yang telah dikemukakan oleh pihak Ketua Pembangkang sebentar tadi. Perkara yang lain-lain, Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa-apa lagi hendak jelaskan, hanya dengan ucapan terima kasih sekali lagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya menggulung? Sedikit sahaja. Dua tiga point sahaja—dua tiga minit sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Saya rasa Yang Berhormat tidak ada hak . . . . .  
(Disampuk)

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada, sebab ini satu usul. Cepat dan dekat, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri satu jawapan yang benar kepada akaun dalam syarikat. Pendaftar Syarikat mana boleh menyasat?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, di bawah peraturan mana ini?

**Tuan Lim Kit Siang:** Di bawah peraturan mana tidak boleh, Tuan Pengerusi? Di bawah peraturan mana tidak boleh menggulung?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Apakah peraturan yang memberi hak kepada Yang Berhormat untuk menggulung?

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk sesiapa yang kemukakan satu usul. Ini kebiasaan. Saya tidak hendak mengambil masa panjang—tiga minit cukup, oleh kerana saya tahu ada lagi, we have to go back to the Committee Stage.

**Tuan Pengerusi Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Yang pertama, Yang Berhormat Timbalan Menteri nampaknya tidak memberi jawapan yang penuh dan memuaskan, mungkin oleh kerana dia tidak faham, dia tidak tahu. Dia kata ada minit-minit Kabinet. Saya mahu bertanya, sama ada Kabinet meluluskan penubuhan MAMINCO bukan untuk satu stockpile, adakah Kabinet membuat satu keputusan untuk mengadakan satu syarikat MAMINCO, bila dan apakah tarikhnya itu dan apakah keputusannya itu?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:**  
(Bangun)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Minta penjelasankah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Ya,** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini dia ingat hendak perangkap siapakah, hendak diberitahukan keputusan-keputusan Kabinet ini? Dengan cara demikian, dia tidak akan dapat daripada saya keputusan Kabinet. Ini rahsia. (*Disampuk*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini Parlimen. Rahsia, apabila datang ke sini pun mahu dibuka dan kita ada hak untuk tahu apa rahsianya. Rahsia itu adalah harta benda rakyat, bukan harta benda Yang Berhormat Timbalan Menteri (*Tepuk*). Harta benda rakyat—apa rahsia? Saya rasa malu dengan sikap itu. Kita ada hak untuk tahu. Rahsia itu ialah oleh kerana tidak ada keputusan, itu rahsia. Tidak ada keputusan oleh Kabinet untuk menubuhkan MAMINCO, itu rahsia. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn pun ada berkata yang dia tidak tahu. Sebab itu, itu adalah satu bohong yang besar. Kita mahu satu siasatan yang terbuka dalam Dewan yang mulia ini dan jangan datang ke sini untuk kata "rahsia", "rahsia". Siapa datang ke sini dan cakap "rahsia", dia mahu ayat satu bukti—itu rahsia.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta jalan? Faham itu cakap, laku yang baik. Tadi disalahgunakan Peraturan point of order.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Minta jalan, hendak beri atau tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya boleh beri jalan, jangan salahguna point of order lagi.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tunggu dahulu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Tanjong, sama ada dia sedar bahawa Timbalan Menteri Kewangan bukan ahli Kabinet. Bagaimana Yang Berhormat Ahli dari Tanjong boleh meminta rahsia, keputusan yang dibuat oleh Kabinet daripada seorang yang bukan menjadi ahli Kabinet.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu dia bukan ahli Kabinet. Sebab itu apa hak dia datang ke sini, kata dia tidak tahu dan mahu membangkitkan perkara Kabinet kalau dia tidak tahu. Dia tidak ada hak tetapi sebenarnya dia ada hak oleh kerana dia mewakili Menteri Kewangan. Dia ada hak untuk pergi classify. Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak tahu tanggungjawab Kerajaan, siapa declassify. Itulah sebabnya OSA Bill ini jika diluluskan akan menjadi satu "monster" di negara ini di mana semua Menteri-menteri serta Timbalan Menteri pun tidak tahu apa hak mereka.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini berusaha betul hendak mendapatkan maklumat-maklumat yang ada pada saya, tetapi dia tidak dapat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak apa, itu bukan saya tidak mahu dapat, rakyat mahu dapat, rakyat mahu tahu. Dan kalau rakyat tidak tahu, itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri bohong sahaja.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Satu minit lagi, ya, satu point.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau diberi injury time, boleh.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 23 (*f*) yang berbunyi, "Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh minta keterangan berkenaan dengan apa-apa perkara rahsia;"

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa rahsia? Balik rumahlah, tutup Parlimenlah, sebab itu semua rahsia! Tidak payah jawablah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, lagi apa terus, dia berdiri lagi!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu berdiri, atau mahu duduk?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Minta penjelasankah?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tidak payahlah bertanya, hendak berdiri atau hendak duduk. Kalau berdiri, berdirilah. Itupun tidak tahu cakap Melayu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya betum beri jalan, duduk.

**Tuan Pengerusi (D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baru boteh berdiri. Kalau tidak, tidak boleh.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, mula-mula tadi saya hendak cuba jawab. Tetapi setelah saya nampak perangai Wakil dari Tanjong, tidak jadi saya berilah (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Dia pun tidak tahulah, itu rahsia. Lagi satu point sahaja mengenai koperatif iaitu Bank Rakyat di mana Kerajaan mengemukakan \$150 juta untuk menyelamatkan, dengan izin, net capital deficiency yang sepenuhnya tetapi dalam perkara 24 buah koperatif di mana ada net capital deficiency sebanyak \$600 juta, Kerajaan membiarkan sahaja bahawa pendeposit-pendeposit hilang. Itulah perbezaan kenapa dalam hal Bank Rakyat boleh dikemukakan wang sepenuhnya untuk selamatkan net capital deficiency, tetapi dalam 24 buah koperasi-koperasi tidak kemukakan satu sen untuk menyelamatkan net capital deficiency \$600 juta.

Pinjaman soft loan sebanyak \$400 juta itu perkara yang lain yang bukanlah untuk menampung net capital deficiency. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan tidak jujur, tidak ikhlas, tidak boleh memberi jawapan-jawapannya dan disembunyikan di bawah rahsia dan saya rasa dalam Dewan ini siapa yang cakap rahsia, malulah (*Tepuk*), bukan demokratik.

**Beberapa Orang Ahli:** Betul.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat boleh tepuk mejalah, jangan tumbuk. Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

**Tuan P. Patto:** Mengikut Peraturan Mesyuarat 46, saya minta dibelah-bahagi, I am calling for a division, dengan izin, Tuan Pengerusi.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** 66 (4)?

**Tuan P. Patto:** 46 (3) dan (4).

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Untuk division? Ini selepas 66 (1).

**Tuan P. Patto:** Ya, saya memberitahu Tuan Pengerusi lebih dahulu, oleh kerana saya takut Tuan Pengerusi laju sangat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kita mengambil ini dahulu. Tunggu Yang Berhormat sehingga sebelum saya membuat keputusan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa perbelanjaan bagi Maksud B. 28 diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak \$10 bagi Butiran 010000, Program/Aktiviti Pentadbiran Am—Kod 1000 Emolumen berhubung dengan gaji Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Pengerusi, mengikut Peraturan Mesyuarat 46 (3) dan (4), saya minta division, dibelah-bahagi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Berapa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang hendak division?

(*Lebih daripada 15 orang Ahli-ahli bangun*)-

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Cukuplah. Sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Penghitung-penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing dan undi dijalankan sekarang.

*Dewan berbelah-bahagi.*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan Yang Bersetuju, 22 orang (*Tepuk*); Yang tidak Bersetuju, 90 orang (*Tepuk*); Yang Tidak Mengundi, 1 orang.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order, nombor 47, Saya mahu bangkitkan, adakah sewajarnya dan patut dan sah Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua pun mengundi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran);** Dia ada hak mengundi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada hak? I know as a Member, tetapi sebagai Yang di-Pertua bolehkah?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu tak payah minta, dia ada hak, sudahlah (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi sepatutnya, sebenarnya—secara convention dia tidak mengundi—abstain.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu convention. Itu convention yang baru, Yang Berhormat (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, convention yang tradisional—tradisional.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang

Berhormat, malangnya, pindaan ini tidak disetujui (*Tepuk*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang sejumlah \$598,406,900 untuk Maksud B.28 hingga Maksud B.32 jadi sebahagian daripada Jadual sekarang ini dan terbuka sekali lagi untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.17ptg.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P.28, muka surat 145, Butiran 010000, Program/ Aktiviti 010100 Pentadbiran.

Dibandingkan dengan keadaan Kementerian ini di bawah Tun Tan Siew Sin, di mana kedudukan matawang Malaysia adalah antara yang terkukuh di dunia, setanding dengan Mark German Barat, maka kedudukan kewangan dari segi nilainya rendah dan antara yang tidak terkukuh di dunia. Walaupun Kerajaan memberikan alasan, ia berpunca dari kejatuhan harga eksport utama negara tetapi tidak pernah diakui oleh Kerajaan ia juga berpunca dan tidak cekapnya pentadbiran dan kejujuran pentadbir itu sendiri ikut dipersoal dan tidak berkesannya Biro Pencegah Rasuah (BPR) juga memberikan saham. Tidak percaya orang di dalam dan di luar negeri terhadap kawalan dan pentadbiran kewangan juga adalah antara sebab kepincangan itu.

Perkara ini hendaklah diatasi sebelum kedudukan kewangan tiba ke peringkat "duit Jepun" di "zaman Jepun" dulu dan sebelum berlakunya Bank Negara mencetak ringgit "ikut suka hati", dan ini barang dijauhkan Allah.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 010200 mengenai Perkhidmatan Kawalan, sejauh mana

kemampuan Kerajaan mengawal badan-badan perniagaan yang dilesen seperti perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh Wakil Rakyat dari Gopeng misalnya. Kita bimbang sejauh mana berkuasanya Kementerian untuk campurtangan dalam masalah yang melibatkan ahli perniagaan itu dalam kes Pan-EI. Setakat ini ada dua perkara yang perlu mendapat jawapan dari Kementerian ini, yang pertama, apa yang mendorong Bank Negara membekalkan wang kertas yang begitu banyak kepada tokoh MCA itu bila kes Supreme Finance timbul, dan kedua, apa halnya yang mendorong Menteri Kewangan membuat kunjungan ke Kementerian Kewangan Singapura bila tokoh MCA itu mula ditahan dahulu. Mengapa Menteri Kewangan ikut membuat jaminan dan kemudian didesas-desuskan sebagai mempunyai hubungan dengan skandal Pan-EI itu? Saya mengesyorkan kepada Menteri Kewangan supaya jangan melibatkan diri dalam perkara serupa ini sekiranya perkara itu cuma melibatkan tokoh perniagaan sahaja atau melibatkan urusan Kerajaan sebab dengan penglibatan tadi, dirasakan oleh umum bahawa Kerajaan ikut berkait dalam hal ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh Butiran 020000 serta Butiran kecil 020100 iaitu Pengurusan Belanjawan. Ada dua perkara yang hendak saya sentuh berhubung dengan perkara ini. Pertama, setiap menjelang pilihanraya umum, Kerajaan mengemukakan Belanjawan yang sapsas, iaitu yang memberikan gambaran kekuatan ekonomi dan kewangan, pendapatan negara banyak dan perbelanjaan kurang, tetapi bila selepas pilihanraya, Belanjawan dibentangkan dalam bentuk yang berbeza pula. Negara susah, pendapatan kurang, perbelanjaan

tinggi, lalu cukai dinaikkan dan sebagainya. Ini menunjukkan sikap tidak jujur sebuah Kerajaan yang perlu dihentikan. Belanjawan enak menjelang pilihanraya yang tujuannya untuk menarik pengundi bila dibuat dalam bentuk yang tidak tepat tentulah menyulitkan negara untuk membetulkan kemudiannya. Ini antara yang menyebabkan kawalan kewangan negara ini pecah.

Kedua, pandangan sebenar rakyat, termasuk anggota Parlimen mengenai Belanjawan negara, termasuk Belanjawan yang dibentangkan ini tidak dapat dipastikan tepat atau tidaknya. Belanjawan ini tidak dapat dibahaskan semasak-masaknya kerana tempoh perbahasan terlalu suntuk. Bila tempoh sidang terlalu suntuk, dua atau tiga Kementerian hendaklah diluluskan dalam masa satu petang, tidak ada yang dapat dibincangkan secara mendalam. Oleh itu Belanjawan ini bergantung bulat-bulat kepada Kementerian Kewangan dan Parlimen tidak banyak dapat memberi kawalan kepada perjalanannya.

Tuan Pengerusi, saya beralih pula kepada Butiran kecil 020300 iaitu Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pelaburan. Hutang negara kini sudah melebihi \$70 bilion. Hutang ini melambung-lambung sejak Perdana Menteri sekarang mengambilalih kuasa dan ditambah pula oleh Menteri Kewangan yang ada sekarang. Setengah-setengah negara dengan jumlah hutang itu sudah diisytiharkan bankrap. Tetapi Kerajaan ini masih belum pastikan tidak akan menambah hutang itu kerana Perdana Menteri dalam satu sidang UMNO pernah bergurau yang negara boleh berhutang lagi kerana ada pihak yang mahu memberi hutang. Walaupun ia berjenaka, tetapi ianya seolah-olah pemimpin tidak sedih dengan hutang negara yang banyak itu. Cara mana

hutang ini hendak dibayar tidak diketahui, tetapi yang jelasnya ialah beban bunga akan berganda yang terpaksa dipikul oleh rakyat. Jelaslah Kerajaan ini telah menambahkan beban rakyat dan bukan mengurangkannya. Lebih menyedihkan bahawa hutang itu antaranya digunakan untuk membayar gaji kakitangan Kerajaan. Ini telah dikritik sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri ketika beliau di luar Kerajaan dulu ketika berucap menerima Ijazah Doktor Kehormat di USM, tetapi apakah beliau sudah buat untuk mengatasi hal ini. Cadangan saya ialah cubalah pelajari dari Iran secara mana ia telah menyelesaikan hutang negara yang dibuat oleh Shah. Hutang itu diatasi dalam suasana negara itu berperang dan minyak dan ekonominya diancam.

Tuan Pengerusi, di bawah butiran yang sama saya hendak sentuh soal pelaburan. Kerajaan jelas tidak berhati-hati ketika melibatkan diri dalam membangunkan Langkawi. Bank Negara telah meluluskan untuk melabur sama dalam pembinaan infrastruktur projek Langkawi sedangkan projek itu ditaja oleh swasta PROMET. Apakah yang mendorong Bank Negara bermurah hati untuk melibatkan perbelanjaan yang menjadi tanggungjawab PROMET? Dipercayai ada silap mata di sini. Sekarang PROMET sudah tidak terdaya untuk meneruskan projek itu, bagaimana Kerajaan hendak menanggung beban atas projek yang terbengkalai? Dengan cara yang gopoh itu kejujuran Kerajaan diragui kerana pelaburan tadi dibuat secara membazir dan banyak didorong untuk kepentingan segelintir orang tertentu yang berada, tetapi tidak untuk kepentingan umum. Akibat dari sikap Kementerian ini dalam perkara ini, Kerajaan Kedah ikut menanggung beban.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih lagi kepada Butiran 030000, Butiran kecil 030200, mengenai Pentadbiran Insurans.

Kerajaan telah menubuhkan Takaful Islam yang menjalankan perniagaan insurans sebagai mengatasi masalah yang diperlukan oleh orang Islam. Insurans Takaful itu tentulah memberi faedah kepada semua pelanggan tanpa mengira agama. Ini bererti orang bukan Islam boleh menggunakannya dan mendapat faedah daripadanya.

Soalnya sekarang ialah sambutan kurang baik daripada kalangan rakyat. Pertama, ia kurang difahami oleh orang ramai termasuk orang Islam sendiri. Adalah patut Kerajaan menggalakkan penubuhan cawangan Takaful itu di setiap negara dan di kota-kota utama di negara ini.

Kedua, yang Kerajaan perlu jalankan ialah menjalankan kempen supaya rakyat daripada semua pihak menyertainya. Kalau Kerajaan boleh kempen mengenai ASN yang dikira haram, mengapa atas perkara yang halal, galakan tidak dilakukan? Patutlah Kerajaan menentukan bahawa dasar Takaful ini menjadi pilihan kepada lain-lain syarikat insurans di negara ini. Sekiranya sistem ini boleh diterapkan kepada lain-lain insurans, maka ini membolehkan orang ramai memilih mana satu insurans yang lebih baik dan cekap perkhidmatannya dan ini juga mengelakkan adanya insurans yang dianak emaskan oleh Kerajaan. Bagaimanapun, Takaful Islam hendaklah dari awal lagi membuktikan khidmatnya dirasakan oleh orang ramai sebagai cekap dan berkesan.

Itulah pandangan daripada saya, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.28 *ptg.*

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 147, Maksud Pembangunan 28, Butiran 01200 iaitu ASEAN Rock Salt-Soda Ash (Thailand) dan Butiran 01500 Projek Urea-Ammonia ASEAN (Malaysia) yang kedua-duanya mendapat peruntukan token \$10.00 tiap-tiap satu.

Tuan Pengerusi, kedua-dua projek ini memang bagus memandangkan bidang yang luas wujud untuk industri bahan input pertanian ini. Bidang ini ialah perusahaan pertanian di negara dan di negara-negara ASEAN. Seharusnya urea-ammonia dijalankan semenjak dulu lagi tetapi pemikiran di masa itu masih lagi diselubungi dengan mentaliti yang sempit yang hanya puas dengan mengelarkan bahan utama sahaja dan akhirnya Menteri Pertanian yang membawa idea itu dibuang dari Kabinet. Walau bagaimanapun, usaha yang dibuat pada masa ini perlu disokong. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, apakah pencapaian setakat ini ke atas kedua-dua projek ini? Apakah negara-negara sahabat di dalam ASEAN masih teragak-agak untuk bekerjasama?

Keperluan baja di negara kita dan di lain-lain negara ASEAN, kecuali Singapura dan Brunei adalah meningkat dari tahun ke tahun. Tiap-tiap tahun institusi Kerajaan sahaja membeli pada kadar lebih kurang \$460 juta nilai-nilai baja. Pengimportan ini dibuat oleh syarikat-syarikat multinational yang besar-besar tetapi akhirnya ini saya mendapat tahu bahawa Perbendaharaan selepas menarik balik kuasa untuk import baja padi dari Konsortium Baja Peladang yang dipunyai oleh petani-petani, telah memberi kuasa ini kepada tiga syarikat iaitu MITCO, GMTC dan PERNAS. Ketiga-tiga syarikat ini

adalah diharapkan oleh Perbendaharaan menjadi payung kepada syarikat-syarikat pengedar tempatan.

Usaha Kerajaan di dalam bidang ini dikaitkan dengan syarat ketiga-tiga syarikat gergasi di atas membayar harga import baja melalui Counter-trade. Ini tentu sekali akan membantukan usaha Kerajaan memberi pasaran untuk barang-barang eksport kita. Semoga objektif ini tercapai. Tetapi mengapa dipilih tiga gergasi ini sahaja? Mengapa ditinggalkan Konsortium Baja Peladang, NAFAS, Syarikat Perniagaan MADA, Syarikat Perniagaan Peladang Kemubu, yang semuanya dipunyai oleh petani-petani miskin? Melalui pengembelian modal petani-petani miskin ini, syarikat-syarikat tani ini mempunyai keupayaan yang cukup untuk menjalankan usaha yang dikehendaki oleh Kerajaan. Misalnya, SPPM iaitu Syarikat Perniagaan Peladang MADA dengan 27 pertubuhan peladangnya di MADA mempunyai harta terkumpul sebanyak \$50 juta. Nisbah kecairan harta ini adalah tinggi. Wang pertaruhan tetapnya sahaja ada sebanyak \$6 juta di bank-bank di Alor Setar yang pengurusan MADA mahupun SPPM sendiri tidak tahu hendak buat apa-apa. Begitu juga SPPK iaitu Syarikat Perniagaan Peladang Kemubu. Mengapa Kerajaan masih lagi tidak mempunyai kepercayaan tentang kebolehan kaum tani? Kalau Kerajaan tidak puas hati dengan pengurusan syarikat-syarikat tani ini, buanglah sahaja pengurusan, jangan marahkan nyamuk, kelambu dibakar. Kaum tani mesti dibela bukan secara subsidi tetapi secara memberi kemudahan mereka berdagang. Saya ingin bertanya siapa yang empunya MITCO dan GMTCC? PERNAS kita tahulah Kerajaan yang mempunyainya.

Tuan Pengerusi, dengan hanya memilih tiga kumpulan sahaja, ada

kemungkinan pakatan atau "collusion" mengenai harga yang akan ditawarkan kepada Perbendaharaan. Sudah tentu harga yang tinggi ditawarkan dan ini juga akan mengkucar-kacirkan kedudukan lebih kurang 30 pengedar baja bumiputera yang sedia ada. Saya dapat tahu ketiga-tiga syarikat gergasi ini tidak sebenarnya menjadi pembekal-pembekal utama yang tulen. PERNAS mendapat bekalan bajanya daripada Syarikat Kuok Brothers padahal Syarikat Kuok Brothers bukanlah syarikat pembekal baja yang ternama.

Saya ingin mencadangkan agar pihak Perbendaharaan membuka peluang kepada syarikat-syarikat tani tadi. Beri balik kuasa mengimport kepada Konsortium Baja Peladang dan arahkan Konsortium menghidupkan usahanya semula. Dengan cara ini barulah kita dapat menukar struktur ekonomi tani daripada berorientasikan pengeluaran bahan utama sahaja kepada yang berorientasikan perdagangan dan pengeluaran.

Tuan Pengerusi, bercakap tentang soal baja, saya ingin memohon agar Perbendaharaan berwaspada di dalam usahanya memilih tender-tender baja. Sebagai seorang bekas Pegawai Agronomi di Jabatan Pertanian 20 tahun yang lalu, saya mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan tentang the chemistry of fertilizers, dengan izin.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha Perbendaharaan dan Kementerian Pertanian mengurangkan kos penggunaan baja, 2 tahun yang lalu bahan phosphate yang murah adalah diimport dari Syria dan Mesir secara ketulan. Phosphate ini dihancurkan oleh kilang-kilang penghancur CCM. Federal Fertilizer dan Peladang Kimia. Saya ingin bertanya, adakah saiz yang dihancurkan itu diuji oleh SIRIM?

Tuan Pengerusi, ini adalah penting kerana jikalau SIRIM tidak campurtangan dengan menentukan saiz ini betul-betul kecil, maka phosphate yang digunakan tidak akan dapat dihisap oleh tumbuhan dan justeru itu ianya tidak akan memberi manfaat kepada kaum tani. Yang mendapat manfaat ialah pengimport dan pengilang. Saya juga ingin bertanya, adakah Perbendaharaan di dalam menentukan tender ini merujuk kepada MARDI mengenai ujian-ujian agronomi ke atas phosphate ini? Phosphate Syria dan Mesir ini juga mempunyai content  $P_2O_5$ , dengan izin, yang rendah iaitu 30% berbanding dengan content di dalam CIRP ataupun Christmas Island Rock Phosphate, yang mempunyai 34.5%  $P_2O_5$ . Ini bermakna untuk mencukupi nisbah 100% di dalam baja campuran, lebih banyak phosphate Mesir dan Syria mesti dimasukkan ke dalam bungkusan baja. Ini bermakna lagi bahawa zat makanan tumbuhan yang lain seperti "potash" dan "nitrogen" terpaksa dikurangkan. Ini tentu sekali akan menafikan kecukupan bahan-bahan makanan kepada tumbuhan.

Tuan Pengerusi, saya bukanlah cuba mempertahankan Christmas Island Rock Phosphate yang dipunyai oleh syarikat British, tetapi sekadar saya menyoal apakah Perbendaharaan dan Kementerian Pertanian mengetahui hakikat-hakikat di atas dan seterusnya menguji bandingkan tentang "trade off" di antara penggunaan CIRP dan phosphate Syria dan Mesir.

Kepentingan yang saya cuba utarakan di sini ialah kepentingan petani dan kepentingan Kerajaan. Kalau Kerajaan membelanjakan \$60 juta setahun, memberi subsidi baja kepada petani dan di dalam pada itu petani tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada pemberian Kerajaan ini, maka yang akan untung ialah pengimportan dan pengilang. Akhirnya, walaupun phosphate Syria

dan Mesir adalah lebih murah, Kerajaan hanya menang membeli tetapi kalah memakai. Saya harap Perbendaharaan dapat meminta Kementerian Pertanian membekalkan data-data yang lengkap untuk membuat keputusan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 020200 iaitu Unit Sistem Pengurusan Kewangan di muka surat 146 yang diperuntukkan sebanyak \$2,582,100. Di dalam ucapan saya yang membahaskan Belanjawan peringkat am pada 1986 yang lalu, saya menyoalkan tentang justifikasi kewujudan Unit ini. Jikalau fungsi Unit ini hanyalah untuk mengawal pengurusan kewangan Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan, maka apa perlunya diwujudkan Pegawai-pegawai Kewangan di Kementerian-kementerian dan wakil-wakil Perbendaharaan di dalam Lembaga-lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun.

Memandangkan anggaran untuk Emolumen Unit ini sahaja sebanyak \$1,847,300 untuk 1987 iaitu peningkatan dari peruntukan 1986 yang sebanyak \$1,826,600, ini mencerminkan bahawa Unit ini mempunyai banyak pegawai dan penambahan. Perbelanjaan Emolumen ini adalah sama banyak dengan Emolumen satu-satu agensi pembangunan seperti Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah.

Saya cadangkan jikalau pihak Perbendaharaan hendak mengurangkan kos mengurus tahun 1987, maka ianya mesti bermula dari dalam Perbendaharaan sendiri. Saya cadangkan supaya Unit ini dikesilkan dan perkuatkan perwakilan Perbendaharaan di Kementerian-kementerian dan Badan Berkanun. Pada masa ini wakil-wakil Perbendaharaan yang saya sebutkan itu menjalankan kerjanya dengan baik, bermula dari episod Bank

Rakyat beberapa tahun yang lalu. Laporan-laporan prestasi pengurusan kewangan yang rapi telah pun disediakan oleh wakil-wakil Perbendaharaan ini untuk tatapan Yang Berhormat Menteri.

Mengenai penilaian prestasi yang dibuat oleh wakil-wakil Perbendaharaan, saya ingin mencadangkan supaya mereka menukar caranya sedikit. Pada masa ini prestasi ini diukur dari aspek peratusan perbelanjaan yang diperuntukkan pada tiap-tiap tahun. Jadi, jikalau satu-satu agensi membelanja pada tahap peratusan yang rendah, maka agensi itu dipap sebagai tidak cekap. Ini selalunya berlaku. Justeru itu, tiap-tiap agensi mulalah berlumba-lumba membelanja wang masing-masing dengan tujuan utamanya mencapai tahap peratusan yang tinggi. Maka gembiralah wakil-wakil Perbendaharaan itu dan kegembiraan ini diikuti pula oleh Menteri-menteri berkenaan. Sebab itulah laporan-laporan akhbar selalu menekankan perbelanjaan sesuatu projek, bukan pencapaiannya.

Tuan Pengerusi, syndrome berlumba-lumba membelanja inilah yang saya sifatkan pegawai-pegawai Kerajaan dilatih dan cekap membelanja. Justeru itu berlakulah pembelian dan pembinaan yang tidak perlu. Misalnya ialah kes MAJUTERNAK dahulu yang membeli kenderaan dan alat-alat kelengkapan yang berjuta-juta ringgit tanpa dipakai dan juga pembinaan abattoir di Ampang Jaja, Alor Setar tanpa binatang ternakan untuk disembelih. Begitu juga pembelian mesin-mesin pembuatan jalan dan parit oleh Pejabat-pejabat Daerah yang digunakan sedikit sahaja dan akhirnya tersadai di pekarangan Pejabat Daerah menunggu karat.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

**Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar:** Ya. Banyak lagi misal pembaziran yang terbit dari syndrome yang dicetuskan oleh sistem penilaian yang berdasarkan peratusan perbelanjaan peruntukan sahaja. Saya pohon supaya pihak Perbendaharaan menukar cara ini dengan menambahkan perkara-perkara berikut di dalam usaha penilaiannya:

- (a) tentukan berapakah pencapaian dari segi fizikalnya satu-satu projek itu;
- (b) tentukan berapakah pencapaian dari segi sosio-ekonominya yakni berapa orang yang mendapat manfaat dan berapa banyakkah peningkatan pendapatan atau pencapaian sosio yang lain;
- (c) apakah tahap cost effectivenessnya, dengan izin, yakni bagi tiap-tiap ringgit berapa manfaat yang didapati; dan
- (d) berasaskan kepada tiga penilaian di atas, berapa banyakkah savings yang dibuat berasaskan tahap pencapaian matlamat.

Dengan cara begini, tidaklah wakil-wakil Perbendaharaan di dalam Lembaga Pengarah agensi-agensi marah-marah apabila melihat 60% sahaja wang peruntukan dibelanjakan pada bulan Disember tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, sekarang tahap perbelanjaan yang diterima sebagai petunjuk kepada pengurusan yang cekap ialah 80%. Unit Perancangan Ekonomi pun menggunakan cara ini. Saya tahu Perbendaharaan akan menjawab kritik saya ini dengan mengatakan bahawa tiap-tiap projek yang diluluskan menunjukkan jumlah-jumlah perbelanjaan yang dipintanya. Maka oleh itu andainya agensi tidak dapat membelanjanya, maka ianya mencerminkan ketidakcekan agensi

yang membuat perencanaan, yakni wang yang diperlukan sebenarnya lebih rendah daripada apa yang ditunjukkan dalam Kertas Kerja.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, tidak ada perencanaan yang maha sempurna lebih-lebih lagi di dalam keadaan ketandusan data-data ekonomi dan sosial di dalam setengah bidang di negara kita ini. Malahan pula pegawai-pegawai perencana di agensi-agensi tidak mempunyai keilmuan dan pengalaman yang cukup untuk mencapai tahap ini pada masa ini. Sebelum negara kita mencapai kematangan di dalam bidang ini, saya harap pihak Perbendaharaan menyesuaikan sistem penilaiannya dengan keadaan semasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Serian.

5.43 ptg.

**Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan 28, Perbendaharaan, Butiran 030000, Program 030100—Pengurusan Kontrak dan Bekalan, di muka surat 146.

Ingin saya menyentuh kepada keseluruhan Pengurusan Kontrak dan Bekalan secara umum, iaitu berhubung dengan cara pengendalian sesuatu kontrak secara am tidak mempunyai tinar yang seragam. Keseragaman dalam pengurusan kontrak dan bekalan ini sangatlah penting sama ada di peringkat pusat mahu pun di peringkat Kerajaan Negeri demi untuk mengelakkan penyelewengan, rasuah dan pilih kasih terhadap peserta tender.

Ketiga, keseragaman sistem pendaftaran para kontraktor binaan dan bekalan dari sesuatu jabatan

Persekutuan dan Negeri sangatlah mengelirukan. Ini boleh menyebabkan perjalanan sesuatu kerja binaan dan bekalan itu menghadapi kelainan dari kawalan mutu yang boleh menyebabkan Kerajaan membazirkan wang dengan tidak mendapatkan hasil atau produktiviti yang optimum dari perbelanjaan yang begitu besar. Umpamanya di Sarawak, setiap Jabatan Kerajaan Negeri, Majlis-majlis Tempatan dan Bandaran seperti Badan-badan Berkanun mempunyai pendaftaran dan kaedah tersendiri. Keadaan ini sungguh menyulitkan sekali dan kadangkala tender-tender itu hanya dimanipulasikan oleh kalangan sahabat-handai dan saudara-saudara pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas penganugerahan tawaran tender bagi badan berkenaan tanpa ditawarkan kepada umum. Kalau adapun pengiklanan, ianya dalam masa yang singkat dan sudah tentu orang lain tidak berkesempatan.

Tuan Pengerusi, dalam bidang kontrak binaan, kita memohon supaya dipercepatkan penyerapan Pusakabumi mengambilalih pengurusan dan perkhidmatan pendaftaran para kontraktor binaan di negeri Sarawak memandangkan prestasi yang positif telah dicapai oleh Pusakabumi di Semenanjung dalam membina, membimbing dan membantu para kontraktor terutama para kontraktor bumiputera. Kita dapati sistem pendaftaran dan bimbingan yang ada di negeri Sarawak tidak mendatangkan hasil kerana ianya berbeza dari satu jabatan dengan jabatan yang lain dan juga selalu bercanggah fungsi terhadap taraf mengenalpasti taraf bumiputera dan bukan bumiputera yang mengikut selera satu-satu Ketua Jabatan itu sahaja. Kalau adapun unit penyertaan bumiputera di satu-satu jabatan itu, hanya sebagai hiasan, seperti bunga plastik, rupanya cantik tetapi tidak berbau.

Tuan Pengerusi, di dalam bidang kontrak perkhidmatan dan bekalan am di peringkat Jabatan Persekutuan, nampaknya sistem yang ada sekarang adalah memuaskan walaupun ada sedikit sebanyak pentadbiran tidak begitu lancar, mungkin disebabkan oleh faktor kesilapan manusia. Di musim kemelesetan ekonomi, perniagaan membekal barangan dan makanan kepada Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun adalah satu sumber yang menguntungkan serta menjamin kerana masalah pembayarannya sudah sememangnya pasti tetap kalau dibandingkan dengan pasaran terbuka. Satu kerja kontrak bekalan yang begitu popular di Sarawak iaitu tender bekalan sekolah—skim bantuan makanan ke sekoiah-sekoiah. Tender bekalan ini sudah menjadi begitu diminati sebagai durian runtuh bagi setengah-setengah peniaga baik yang besar ataupun yang kecil.

Baru-baru ini tender makanan sekolah diiklankan kepada umum tetapi malangnya senarai tidak lengkap di mana banyak sekolah yang berasrama tidak disenaraikan bagi tender makanan bagi tahun 1987. Adakah pihak Perbendaharaan sedar ke atas kejadian-kejadian ini atau memang peruntukan tidak diuntukkan untuk sekolah ini atau sebaliknya? Di antara sekolah yang tidak ada dalam senarai itu ialah SMK Semantan, SMK Lundu, Kolej Tun Abdul Razak, SMK Tebekang, Melugu dan Meradong dan banyak lagi yang tidak dapat saya senaraikan di sini. Dari keadaan yang demikian, kita tidak mahu skim bekalan makanan ke sekolah-sekolah lari dari tujuan asalnya, iaitu membantu anak-anak bangsa kita yang memerlukan makanan untuk keselesaan menimba ilmu pengetahuan bagi kepentingan negara. Kalaulah skim bantuan makanan ini terlalu dititikberatkan kepada etika perniagaan iaitu untuk

mendapat untung yang maksima, maka sudah tentu terkeluar dari hasrat yang sebenarnya dan kadangkala boleh mendatangkan mudarat kepada semua yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kementerian mengurangkan bayaran ke atas pendaftaran satu-satu syarikat iaitu dari \$500 bagi dua tahun kepada \$300 setiap dua tahun kerana ianya menjadi beban kepada syarikat-syarikat bumiputera yang kecil.

Dalam perniagaan, bukanlah dimestikan tiap-tiap syarikat itu akan mendapat tawaran. Kadangkala hingga tamat tempoh pendaftaran itu sekalipun tidak pernah mendapat peluang. Begitu juga kita memohon agar borang permohonan diubahsuai supaya tidak begitu sukar bagi para peniaga kecil untuk mengisi borang tersebut supaya lebih ramai lagi para peniaga bumiputera dapat turut serta dalam kerja kontrak dengan pihak Kerajaan. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:**  
(*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Ledang; selepas ini saya akan memanggil Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan untuk menjawab. Teruskan Yang Berhormat dari Ledang.

5.57 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.28 Butiran mengenai Pentadbiran Awam, Pengurusan dan Analisa Kewangan secara menyeluruh.

Tuan Pengerusi, di bawah dua Butiran berikut satu aspek yang hendak saya tekankan di sini ialah mengenai kerja-kerja kawalan yang dibuat oleh pihak Perbendaharaan

melalui Pendaftar Syarikat dan juga melalui Bank Negara supaya suasana sektor perniagaan sama ada dalam bidang industri ataupun apa juga industri termasuk industri kewangan dapat dikesan perjalanannya dan keadaan yang sihat wujud dan kepentingan semua pihak dapat dipelihara. Oleh yang demikian, saya ingin menekankan di sini sesungguhnya walaupun unit itu, unit yang lain wujud di dalam Perbendaharaan sendiri untuk mengesan apa yang berlaku di dalam pasaran, dalam semua bidang tetapi dua institusi yang penting ini iaitu Pendaftar Syarikat dan Bank Negara sesungguhnya dapat memainkan peranan dari segi kawalan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan Akta yang ada dan juga berdasarkan kepada kepakaran-kepakaran yang wujud dalam dua institusi tersebut.

Satu perkara yang sepatutnya difikirkan ialah saya percaya bahawa kerja-kerja kawalan ini telah dilaksanakan terus menerus dan adalah lebih manfaat untuk semua pihak sama ada pihak Kerajaan ataupun pihak masyarakat umum untuk mengetahui daripada masa ke semasa apakah kerja-kerja kawalan. apakah masalah-masalah yang timbul berdasarkan kepada pengesanan dan juga kawalan yang dibuat oleh dua institusi itu.

Mana yang perlu dan wajar, saya cadangkan supaya kerja-kerja dan usaha-usaha yang berguna itu dapat diumumkan kepada masyarakat umum supaya setiap daripada kita dapat mempelajari daripadanya.

Apabila saya menyentuh tentang soal kawalan ini, Tuan Pengerusi, kita sewajarnya meletakkan perkara ini pada perspektif yang sewajarnya. Saya akui bahawa pihak Kerajaan amnya dan dua institusi yang saya sebutkan ini mempunyai tanggungjawab dalam

soal kawalan mengenai amalan-amalan yang wujud di dalam industri kita dan juga kita meletakkan tanggungjawab itu kepada pihak pengurusan dan jika sekiranya ada penyelewengan dan amalan-amalan yang tidak sihat maka sewajarnya mereka itu dibawa ke tengah untuk diadili dan ditentukan tentang sama ada mereka itu wajar dihukum dan dengan itu dapat kita mengurangkan ataupun menghindarkan daripada amalan-amalan yang tidak sihat. Tetapi yang lebih penting ialah satu perkara yang sepatutnya kita sama-sama tekankan ialah mengenai peranan setiap daripada mereka yang terlibat di dalam sesuatu sektor atau industri. Dan kalau sekiranya kita merujuk kepada misalnya, misal yang terakhir yang diperbincangkan dengan hangatnya ialah mengenai "deposit taking co-operatives", dengan izin, ialah tanggungjawab setiap daripada mereka yang terlibat dalam menyimpan deposit di dalam koperasi-koperasi tersebut.

Saya percaya mereka ini mempunyai pilihan dari segi perkiraan untung ataupun rugi ataupun risiko yang mereka sanggup tanggung. Mereka boleh membandingkan apakah untung rugi dan risiko yang ditanggung berdasarkan kepada pilihan sama ada membuat simpanan itu di "deposit taking co-operatives" ataupun di bank-bank perdagangan atau di syarikat-syarikat kewangan ataupun membeli saham daripada Pasaran Saham ataupun membuat pelaburan secara langsung dan mendapat faedah dan keuntungan daripada pelaburan tersebut.

Saya bersimpati dengan mereka ini; yang mungkin menyimpan dalam koperasi tersebut berdasarkan kepada pemikiran yang agak "innocent" ataupun "naive" dengan izin, ataupun yang agak "gullible" dengan izin, kerana perbezaan faedah yang mungkin didapati adalah begitu

menarik sekali hingga mereka terdorong untuk menyalurkan simpanan mereka ke syarikat-syarikat koperasi itu.

Tetapi apabila saya mengatakan bahawa mereka ada pilihan untuk membuat pelaburan maka sewajarnya kalau sekiranya mereka menyalurkan simpanan mereka kepada koperasi-koperasi yang kita maksudkan itu mereka sanggup menerima risikonya terutama sekali di kalangan mereka yang membuat perkiraan secara "speculative" ataupun yang agak "calculative" dengan izin. Maka jika sekiranya timbul masalah simpanan mereka maka sewajarnya mereka ini sanggup menerima risiko itu.

Tuan Pengerusi, saya tidak menyatakan bahawa tanggungjawab itu tidak sewajarnya sama dipikul oleh semua pihak sama ada pihak Perbendaharaan ataupun pihak pengurusan tetapi saya ingin menekankan di sini supaya masyarakat umum juga memikirkan tentang peranan masing-masing untuk mengurangkan ataupun menghindarkan daripada amalan-amalan yang agak "speculative" seperti begini dalam ekonomi kita.

Tuan Pengerusi, selepas itu saya ingin beralih kepada satu perkara lain mengenai analisa ekonomi dan juga antarabangsa. Dalam soal ini pada muka 146 saya ingin menekankan tentang aspek yang tidak ketara di dalam imbalan bayaran negara kita. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menunjukkan kepada kita bahawa pengatiran wang keluar adalah makin lama makin meningkat, bahkan dalam ruang "omission" dengan izin, dalam imbalan pembayaran kita, kita dapati bahawa wang yang mengalir keluar dalam ruang "omission" itu makin lama makin meningkat daripada \$3,000 juta kepada lebih

daripada jumlah yang tersebut kebelakangan ini.

Tetapi pada keseluruhannya kita menekankan tentang aspek-aspek perdagangan yang tidak ketara. Sejauh mana misalnya peiaburan asing yang telah wujud sekian lama dalam negara kita ini membawa kepada pengaliran untung daripada ekuiti yang mereka ada di dalam ekonomi kita. Sejauh mana misalnya katakan usaha-usaha untuk menggunakan khidmat insurans di kalangan syarikat-syarikat tempatan ataupun syarikat negara kita. Sejauh mana misalnya dikatakan usaha-usaha dan amalan-amalan yang dibuat untuk memastikan bahawa penggunaan ataupun khidmat perkapalan menguntungkan kepada kita.

Apabila saya menyebutkan tentang soal perkapalan ini, saya sering dirujuk mengenai masalah macam mana misalnya pihak-pihak tertentu di kalangan PNSL ataupun ISC ataupun Kontena Nasional dapat bekerjasama di antara satu sama lain. Sebagai contoh, untuk memastikan bahawa akhirnya perkhidmatan perkapalan ini mengurangkan pengaliran wang daripada ekonomi kita keluar dengan cara itu dapat mengurangkan pengaliran keluar dalam bahagian ataupun ruang invisible di dalam imbalan pembayaran kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh di sini ialah mengenai asas cukai dalam program analisa cukai. Saya menyokong Belanjawan untuk tahun 1987 di mana pihak Perbendaharaan mencadangkan supaya dikaji semula pengecualian-pengecualian yang diberikan pada masa-masa yang lalu supaya pengecualian itu dapat dirasionalkan dan asas cukai dapat dikembangkan. Dan daripada laporan kebelakangan ini kita dapati bahawa asas cukai ini ataupun tax base ini, dengan izin, Tuan Pengerusi, berkurangan ataupun

mengecut bukan berdasarkan semata-mata kepada pengecualian sahaja tetapi kerana adanya pengelakan cukai ataupun evasion of taxes di kalangan masyarakat kita. Ada laporan mengatakan bahawa ada di antara ahli masyarakat yang mempunyai rumah yang agak mewah, yang menggunakan kereta yang mewah tetapi tidak tersenarai sebagai pembayar cukai. Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh dan mengaiu-alukan usaha untuk memastikan bahawa amalan-amalan mengelakkan cukai ini dapat kita kurangkan supaya ianya bukan sahaja dapat meningkatkan kutipan cukai untuk negara, bahkan juga untuk memastikan adanya keadilan di antara ahli-ahli masyarakat di negara kita ini.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang hubungan kewangan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Saya sedia maklum bahawa sumber-sumber cukai untuk Kerajaan Negeri adalah terhad. Sebahagian besar daripadanya adalah daripada cukai-cukai berdasarkan kepada lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Tempatan. Dan sebahagian besar sumber-sumber cukai yang dikatakan tumbuh ataupun berkembang berdasarkan kepada perkembangan ataupun pertumbuhan ekonomi adalah hak Kerajaan Pusat.

Walaupun begitu kebelakangan ini ada tanda-tanda di mana kontroversi di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri khususnya dalam soal mengeluarkan lesen-lesen di mana wujudnya agensi-agensi pusat seperti Lembaga Pelesenan Getah ataupun PORIM yang akhirnya dikatakan lebih berhak untuk mengeluarkan lesen-lesen tersebut walaupun ada pihak daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengatakan bahawa itu semua adalah sewajarnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebagai satu sumber

yang baru untuk mereka mendapatkan kutipan-kutipan Perbendaharaan masing-masing.

**Timbalan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Pengerusi, sekianlah beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan di dalam Jawatankuasa untuk Perbendaharaan. Terima kasih.

**Timbalan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*6.05 ptg,*

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Kewangan, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam memperbincangkan Belanjawan bagi Kementerian Kewangan di peringkat Jawatankuasa pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak bertujuan untuk menjawab satu persatu, tetapi saya akan cuba memberi di atas beberapa perkara-perkara yang telah dibangkitkan secara menyeluruh dan bagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak mendapat jawapan, percayalah bahawa ia akan diambil kira sewaktu kita mengendalikan perbelanjaan Kementerian ini.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah membuat tuduhan kononnya ada terdapat Belanjawan yang berbeza di antara sebelum dan selepas pilihanraya. Tuan Pengerusi, inginlah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa sebenarnya tidak ada perkara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu. Kita tidak membuat perbezaan

Belanjawan sama ada selepas ataupun sebelum pilihanraya. Yang sebenarnya, kalau sekiranya terdapat perbezaannya jumlah yang diperuntukkan di dalam Belanjawan-belanjawan dari tahun ke tahun ialah secara kebetulan sahaja. Yang paling ulung harus kita ketahui bahawa apabila terdapat perbezaan besar di antara Belanjawan tahun lepas, tahun 1985 dengan tahun 1986 dan juga tahun hadapan seperti yang kita cadangkan ini adalah disebabkan oleh kedudukan ekonomi kita dan ini juga telah mengakibatkan keadaan kewangan negara kita.

Seperti yang saya telah terangkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa oleh sebab kejatuhan harga-harga barangan utama yang menjadi punca eksport negara kita untuk mendapatkan wang maka kita terpaksa berkurangan dari segi perbelanjaan sejajar dengan keupayaan kita. Dan oleh sebab kejatuhan harga-harga barangan ini khususnya sejak akhir-akhir tahun 1979 dan ketara sekali awal-awal 80an hinggalah pada hari ini yang menyebabkan kira-kira hampir 50% di dalam setengah-setengah barangan utama dan ada yang lebih daripada 50% dari segi kejatuhan itu. Dan kesan kejatuhan harga ini sangat dirasai pada tahun ini kerana sebahagian besar daripada hasil negara seperti yang kita ketahui adalah hasil cukai langsung yang kita dapat melalui pengeksporan barang-barang utama ini. Jadi, kedudukan kewangan yang kurang baik ini sudah tentulah menyebabkan kita mengurangkan perbelanjaan kita dan ini tidak ada kena-mengena sebenarnya dengan selepas ataupun sebelum pilihanraya seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga telah membangkitkan soal Takaful dan beliau berharap supaya

Takaful ini menubuhkan cawangan-cawangan di setiap buah negeri. Sebenarnya, memang Syarikat Takaful (Malaysia) Sdn Bhd bertujuan untuk mengadakan cawangan-cawangannya di seluruh negara. Malah bukan sahaja di ibu-ibu negara tetapi juga di bandar-bandar besar seperti juga dengan syarikat-syarikat insurans yang lain. Sekarang ini Syarikat Takaful mempunyai pejabat-pejabatnya selain daripada di Kuala Lumpur, ia juga terdapat di Kota Bharu, di Kuala Terengganu, di Kuantan, di Melaka, di Alor Setar dan di Ipoh.

Seperti saya katakan tadi, secara beransur-ansur Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd atau Syarikat Takaful ini akan cuba membuka lebih banyak lagi cawangan-cawangan di bandar-bandar yang lain khususnya di ibu negeri sama ada di Semenanjung Malaysia ataupun di Sabah dan Sarawak. Syarikat Takaful ini seperti saya ketahui diurusniagakan oleh syarikat swasta.

Kerajaan memang berminat untuk memberi galakan agar ianya berkembang dengan sihat, berkembang dengan baik dan maju sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran dan juga sosio ekonomi negara, tetapi kita tidak boleh terburu-buru, kerana dengan cara demikian barangkali apa yang telah kita capai setakat ini mungkin mendatangkan kerumitan kepada syarikat itu. Tiap-tiap syarikat yang baik sudah tentu terpaksa berkembang mengikut kemampuan dan keupayaan sama ada dari segi tenaga kerja ataupun dan segi kewangannya serupa juga dengan mana-mana syarikat-syarikat insurans yang lain. Yang Berhormat berkenaan juga telah menimbulkan tentang hutang negara yang bertambah sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang memegang teraju Kerajaan.

Tuan Pengerusi, barangkali apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat berkenaan dari segi jumlah hutang ada kebenarannya, tetapi perlu juga kita ingat bahawa hutang-hutang yang dibuat ini adalah untuk kegunaan projek-projek pembangunan. Ertinya dengan bertambahnya hutang-hutang ini yang digunakan untuk projek-projek pembangunan, ertinya banyak pembangunan sedang dilakukan di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang. Cuma barangkali hanya disebutkan oleh Yang Berhormat berkenaan mengenai hutang tanpa mengambilkira jumlah projek ataupun banyaknya projek yang telah diusahakan, barangkali ini adalah perangai pihak Pembangkang sama ada dari orang Islam ataupun bukan Islam asalkan Pembangkang itu—Pembangkang jugalah, hanya menyebutkan perkara-perkara yang tidak baik tanpa mengambilkira kebaikan-kebaikan yang telah diusahakan oleh pihak Kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Saya ingat biarlah sahaja Tuan Pengerusi, tak ada gunanya—bukan ada benda soalnya, kadang-kadang itu tidak cerdik soalan-soalnya.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat!

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Padang Terap telah menimbulkan tentang projek-projek ASEAN.

Sebenarnya untuk makluman Ahti Yang Berhormat, projek-projek di bawah ASEAN ini yang mana terdapat di Indonesia dan juga di Malaysia sudah pun beroperasi, tetapi masih lagi menghadapi kerugian, oleh

sebab projek-projek ini sebenarnya baru sahaja beroperasi dan sebagai projek yang mempunyai kos yang banyak, ianya mungkin memakan masa agak panjang sebelum mendapatkan keuntungan.

Projek-projek di Thailand saya difahamkan telah dibatalkan oleh kerana ianya difikirkan tidak menguntungkan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga mencadangkan beberapa tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan dalam nilai prestasi syarikat-syarikat Kerajaan. Saya rasa ini adalah satu cadangan ataupun teguran yang baik dan oleh itu saya berterima kasih kepada wakil dari Padang Terap di atas teguran itu dan insya Allah kita akan mengambil perhatian yang sewajarnya berkenaan dengan teguran itu.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah menuduh kononnya terdapat penyelewengan di dalam urusan tender yang dikelolakan oleh Kerajaan, khususnya yang dikendalikan oleh pihak Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menerima tuduhan ini dan kalau sekiranya Yang Berhormat benar-benar berani, silalah buat aduan-aduan dan kemukakan secara spesifik, kes-kes yang spesifik supaya dapat kita teliti. Tetapi saya harap janganlah kiranya Ahli Yang Berhormat menggunakan Dewan ini hanya untuk mendapat publisiti murah, saya harap perkara yang seperti ini tidak berlaku lagi.

Berkenaan dengan pembayaran pendaftaran, kita akan kaji dari segi pembayaran dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah menimbulkan beberapa perkara, pertamanya tentang koperasi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ledang yang telah memberi penerangan yang jelas khususnya berkenaan dengan risiko yang juga sepatutnya ditanggung oleh ahli-ahli, kerana mereka telah menyertai, memasuki, menyimpan di dalam koperasi-koperasi ini dengan kerelaan mereka sendiri dengan harapan supaya mereka akan mendapat keuntungan yang lebih sedikit berbanding dengan simpanan yang dibuat di dalam institusi-institusi kewangan yang lain. Ini seperti yang kita ketahui, Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada yang bangun Yang Berhormat!

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Baik.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Penjelasan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan sungguhpun wang faedah yang diberikan oleh koperasi itu tinggi, tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Jabatan Pembangunan Koperatif tidak menunaikan tanggungjawab mereka. J.P.K. adalah seperti Bank Negara untuk menyelaras dan mengawal kegiatan koperasi tersebut dan kerana kegagalan itu berlakunya skandal dan krisis yang mendatangkan malapetaka sehingga 600,000 depositer-depositer.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya bukanlah bercadang ataupun berniat untuk hendak berdebat mengenai \$600 juta ini, tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat dari Kota Melaka menganggap bahawa yang \$600 juta

ini telah kerugian hanya oleh sebab kecuaiian, ini tidak betul.

Dahulu saya sudah pernah mengatakan di Dewan yang mulia ini daripada jumlah wang sebanyak \$1,500 juta itu sebahagian daripadanya adalah diberi sebagai komisyen, yang mana ini legal. 40% daripada wang itu telah dilaburkan di dalam subsidiary masing-masing. Ini juga tidak semuanya untung, maka itu sebahagian daripada wang itu telah hilang. Kalau tidak silap saya 20% telah dilaburkan di dalam saham-saham. Oleh kerana kejatuhan saham-saham maka sudah tentunyalah wang yang dilaburkan itu akan merosot, ini legal. 20% yang lain lagi, kalau tidak silap ingatan saya, dilaburkan untuk membeli hartanah-hartanah itu harta tanah. Oleh sebab waktu pembelian itu harga-harga tanah ini agak mahal sedikit, maka itu apabila harga tanah ini telah merosot maka secara nilai dia telah merosot juga, itu sebahagian daripada kehilangan daripada wang yang menyebabkan \$600 juta itu. Yang 10% lagi adalah sebahagian daripadanya disimpan sebagai liquid cash.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menganggap bahawa \$600 juta ini adalah telah hilang oleh sebab semata-mata kurang cekap pengawasan dari pihak-pihak berkenaan, ini tidak betul. Dan juga sebentar tadi, sewaktu Soal Jawab tadi, saya telah mengatakan bahawa sebahagian daripadanya ataupun sewaktu menjawab di atas usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang tadi, saya telah mengatakan bahawa sebahagian daripada kerugian ini disebabkan oleh kurang cekapnya pengurusan koperasi-koperasi yang berkenaan. Jadi, tidak betul bahawa kerugian sebanyak \$600 juta ini khusus dibebankan, disalahkan kepada pihak-pihak JPK seperti yang

dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

Tuan Pengerusi, saya pun telah lupa apa yang dikatakan Yang Berhormat dari Ledang tadi . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud) Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Kalau Tuan Pengerusi kata boleh, saya duduk. Sebab hendak habis pada pukul 6.30 atau saya sambung esok, tidak apa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya ingat, saya tidak boleh beri, sebab, kita mesti habiskan Kementerian Kewangan ini. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tidak payah ya!

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Tidak payah.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Dia hendak test saya, tidak payahlah, alangkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong saya boleh lawan, inikan pula Yang Berhormat dari Kota Melaka (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya juga berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ledang berkenaan dengan teguran yang dibuat terhadap aliran yang tidak ketara. Sebenarnya, ada satu jawatankuasa yang telah dibentuk, satu jawatankuasa yang dianggap terdiri daripada pegawai-pegawai kanan—pegawai-pegawai terkanan mengenai perkara ini dan berbagai-bagai cadangan telah dikemukakan, sebahagian daripadanya telah pun berjalan di mana misalannya Kerajaan telah menggalakkan, malah di dalam

beberapa kes-kes tertentu mengarahkan supaya penggunaan MAS misalannya, Syarikat Penerbangan kita dan juga Syarikat Perkapalan kita digunakan dengan sepenuhnya oleh rakyat negara ini supaya dengan cara ini kita akan mengurangkan pengaliran keluar ringgit kita.

Selain daripada itu, dari segi insurans juga kita telah minta supaya pengeksporth-pengeksporth kita kurang mengimport secara FOB tetapi lebih mengeksporth, apabila mengeksporth dengan mengambil kira insurans sekali. Begitu juga waktu kita mengimport, kita mencadangkan, kita mengarahkan, kita menggalakkan supaya pembelian-pembelian ini dibuat dengan CIF yang mana kita sendiri yang menentukan syarikat-syarikat insurans yang harus digunakan. Malangnya, Tuan Pengerusi, sebagai sebuah negara kecil sudah tentunya kurang mendapat kesan-kesan yang baik oleh sebab di dalam pengeksporthan juga pengimportan, rakan perdagangan seperti juga kita lebih berminat supaya mereka menggunakan kapal mereka sendiri, syarikat insurans mereka sendiri dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ini adalah satu teguran yang baik.

Selain daripada itu juga, inginlah saya maklumkan bahawa sebahagian daripada aliran keluar matawang ini terdiri daripada kos pelajaran yang mana kita sebuah negara dengan bebas, dengan senang membenarkan rakyat negara kita ini melanjutkan pelajaran di luar negeri sama ada atas tajaan Kerajaan ataupun tajaan sendiri. Ini bukan sahaja perbelanjaan yang digunakan oleh penuntut-penuntut ini tetapi juga oleh penjaga-penjaga mereka yang melawat anak-anak mereka ataupun adik-adik mereka menuntut di seberang laut. Dan setengahnya oleh sebab mereka berupaya, mereka membuat

melancong ke luar negeri, ini juga menyebabkan mengalirnya matawang kita ke luar negeri. Tetapi dari segi tidak ketara hanya dari segi perkapalan dan juga insurans secara yang banyaknya.

Tentang hubungan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, saya rasa ini tidak perlu diberi komen oleh sebab ianya sentiasa mempunyai hubungan yang rapat, terutamanya apabila kita dapati sekarang ini semua Kerajaan-kerajaan Negeri adalah juga Kerajaan Barisan Nasional seperti juga Kerajaan di peringkat Pusat, maka itu sudah tentulah hubungan yang baik di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat boleh mendapatkan dengan senang. Dan saya percaya juga hubungan yang baik ini akan membolehkan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membincangkan apa juga masalah-masalah yang mungkin terdapat di antara pihak Kerajaan Pusat dan juga pihak Kerajaan Negeri dan apa-apa masalah dapat diselesaikan, saya percaya.

Tuan Pengerusi, saya rasa inilah sahaja yang dapat saya beri

pandangan, juga ulasan terhadap teguran-teguran, cadangan-cadangan dan kritik-kritik yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan, kritik-kritik yang membina dan saya percaya pandangan-pandangan ini benar-benar memberi faedah dan menolong kami di Kementerian Kewangan berbelanja sebaik-baik yang boleh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Majlis bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud);** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*